UUM
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 2020



LAPORAN TAHUNAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2020

2020

Universiti Utara Malaysia – Satu Pengenalan	4–5
Matlamat Penubuhan, Objektif Penubuhan, Visi dan Misi Universiti	6–7
Falsafah Universiti, Piagam Pelanggan	8–9
Canselor	10–11
Pro-Canselor	12–16
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	17–18
Naib Canselor	19
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti	20–21
Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Ahli Senat	22–25
Struktur Universiti Utara Malaysia	26–27
Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	28–29
Laporan Naib Canselor	30–35
Hal Ehwal Antarabangsa	38–39
Hal Ehwal Akademik & Majlis Konvokesyen	42–55
Maklumat Penyelidikan, Penerbitan Penyelidikan dan Inovasi	58–81
Promosi	84–87
Sumber Manusia dan Pembangunan Infrastruktur	90–104
Hal Ehwal Pelajar dan Keusahawanan	108–122
Laporan Audit Dalam	126–128
Laporan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia	132-188

Universiti Utara Malaysia

Satu Pengenalan

Universiti Utara Malaysia (UUM) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan) 1984, bertarikh 16 Februari 1984.

Ia bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan Universiti ini dalam bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada 15 Februari 1984 di Jitra.

Pada Jun 1984, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darulaman bagi menyambut ketibaan pelajar-pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darulaman, iaitu 18 km ke Utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu, perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara.

Kampus baru UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus yang jaraknya 48 km di utara Alor Star dan 10 km di timur Changlun ini merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit-bukau. Selain itu, di tengah-tengahnya mengalir dua batang sungai iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak. Kampus ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor yang pertama, pada 17 Februari 2004.

Matlamat Penubuhan

Matlamat utama penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkelayakan dan terlatih dalam bidang pengurusan. Selain itu, kampus ini ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaan tani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

UUM juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di Universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosioekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan sekitar. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta.

Objektif Penubuhan

- Untuk menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.
- Untuk membangunkan bidang pengurusan sebagai pusat kecemerlangan.
- Untuk menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.

Visi

Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka

Misi

Kami mendidik pemimpin berpewatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global.

Falsafah Universiti

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kekayaan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gemblengan sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudimanan dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya:

ILMU BUDI BAKTI

Piagam Pelanggan

Pelajar

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti "Ilmu, Budi, Bakti", dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

Staf

- Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.
- Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan

Negara

- Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.
- Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.

CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (KELANTAN)., D.K. (JOHOR)., D.K. (PERAK)., D.K. (SELANGOR)., D.K. (NEGERI SEMBILAN)., D.K. (PERLIS)., D.K. (PAHANG)., D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.
Hon.Ph.D (UUM)

SULTAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PRO-CANSELOR

DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH
IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN

D.M.K., D.S.D.K., S.S.S.

RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN

PRO-CANSELOR

YANG TERAMAT MULIA
DATO' SERI DIRAJA TAN SRI TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ
BINTI ALMARHUM SULTAN ABDUL HALIM

D.K.H., D.K.Y.R., S.H.M.S., S.S.D.K., P.S.M., P.A.T., J.P., HON. Ph.D (UUM),
HON. Ph.D (KUIN), HON. Ph.D (UPNM)

YANG TERAMAT MULIA TUNKU TEMENGGONG KEDAH

| Sehingga 14 April 2020 |

PRO-CANSELOR

YANG TERAMAT MULIA
DATO' SERI DIRAJA TUNKU SHAZUDDIN ARIFF
IBNI AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN

S.S.S.K., D.S.D.K., S.M.S.

TUNKU LAKSAMANA KEDAH DARUL AMAN

| Mulai 3 Oktober 2020 |

PRO-CANSELOR

YANG MULIA TENGKU TAN SRI DATO' PADUKA (DR.) MAHALEEL TENGKU ARIFF

P.S.M., P.J.N., D.P.M.K.

| Mulai 3 Oktober 2020 |

PRO-CANSELOR

YANG AMAT BERBAHAGIA
TUN DATO' SRI (DR.) AHMAD FAIRUZ DATO' SHEIKH ABDUL HALIM

| Sehingga 31 Julai 2020 |

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG BERBAHAGIA
DATO' PROF. DR. SUDIN HARON

| Sehingga 20 Jun 2020 |

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR

| Mulai 5 Julai 2020 |

NAIB CANSELOR

YANG BERBAHAGIA
PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI

Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti

01 Yang Berbahagia
Dato' Prof. Dr. Sudin Haron
Pengerusi
(Sehingga 20 Jun 2020)

02 Yang Berbahagia
Tan Sri Datuk Wira
Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar
Pengerusi
(Mulai 5 Julai 2020)

03 Yang Berbahagia
Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir
Hj. Abdul Ghani
Ahli

04 Yang Berbahagia
Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff
Ahli
(Mulai 1 Jun 2020)

05 Yang Berhormat
Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh
Mahmood Naim
Ahli

06 Yang Berusaha
Puan Nor Eni Ismail
Ahli

07 Yang Berusaha
Dato' Wan Shaharuddin Wan Mahmood
Ahli
(Mulai 15 Januari 2020)

08 Yang Berbahagia
Dato' Noraslina Datuk Zainal Abidin
Ahli
(Mulai 9 Ogos 2020)

09 Yang Berusaha
Puan Nazira Abdul Rahim
Ahli
(Mulai 26 Julai 2020)

10 Yang Berusaha
Encik Khairul Azwan Harun
Ahli
(Mulai 28 Jun 2020)

11 Yang Berbahagia
Dato' Muzammil Mohamad
Ahli

12 Yang Berusaha
Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim
Ahli

13 Yang Berbahagia
Datuk Bazlan Osman
Ahli
(sehingga 31 Julai 2020)

14 Yang Berusaha
Dr. Zaid Omar
Ahli
(Sehingga 31 Mei 2020)

15 Yang Berusaha
Encik Shah Hakim Zain
Ahli
(Sehingga 20 Jun 2020)

16 Yang Berusaha
Dr. Mohamad Salmi Mohd. Sohod
Ahli
(sehingga 15 Julai 2020)

17 Yang Berusaha
Encik Baharudin Yaacob
Setiausaha

Ex-officio

18

19

20

21

22

23

18 Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Yang Berusaha
Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
(Sehingga 30 November 2020)

19 Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Yang Berusaha
Prof. Dr. Shahimi Mohtar
(Mulai 1 Disember 2020)

20 Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Yang Berusaha
Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

21 Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
Yang Berusaha
Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

22 Bendahari
Yang Berusaha Pn Eylani Ahmad

23 Penasihat Undang-undang
Yang Berusaha
Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

Senarai Jawatankuasa Pengurusan Universiti

PENGERUSI

Naib Canselor
Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

AHLI

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim (sehingga 30 November 2020)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Prof. Dr. Shahimi Mohtar (Mulai 1 Disember 2020)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

Pendaftar
Encik Baharudin Yaacob

Bendahari
Puan Eylani Ahmad

Ketua Pustakawan
Encik Salleh Hudin Mustaffa

Penolong Naib Canselor UUM CAS
Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim

Penolong Naib Canselor UUM COB
Prof. Dr. Salniza Md Salleh

Penolong Naib Canselor UUM COLGIS
Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman

Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan
Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

Provos UUM Kampus Kuala Lumpur
Prof. Dr. Shahimi Mohtar (sehingga 30 November 2020)

Penasihat Undang-Undang
Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

SETIAUSAHA
Pengarah Jabatan Canselori
Encik Mohd Zamri Ahmad

Senarai Ahli Senat Universiti Utara Malaysia

PENGERUSI

Naib Canselor
Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

AHLI

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim
(sehingga 30 November 2020)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Prof. Dr. Shahimi Mohtar
(Mulai 1 Disember 2020)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

Penolong Naib Canselor & Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran UUM CAS
Prof. Dr. Huda Hj. Ibrahim

Penolong Naib Canselor & Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa UUM COLGIS
Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman

Penolong Naib Canselor & Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan UUM COB
Prof. Dr. Salniza Md. Salleh

Provos UUM Kampus Kuala Lumpur
Prof. Dr. Shahimi Mohtar
(sehingga 30 November 2020)

Senarai Ahli Senat Universiti Utara Malaysia

DEKAN

Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Prof. Dr. Hassan Abu Bakar

Pusat Pengajian Perniagaan Islam
Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain

Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Prof. Dr. Nor Hasni Osman

Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan
Prof. Dr. Russayani Ismail

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz
Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif
Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
Prof. Madya Dr. Hisham Dzakiria

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Prof. Dr. Shukri Ahmad

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Prof. Dr. Fauziah Abdul Rahim

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Prof. Madya Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abd Manaf

Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

Ghazali Shafie Graduate School of Government
Prof. Madya Dr. Rusdi Omar

Pusat Pengajian Kerajaan
Prof. Madya Dr. Zainal Md. Zan

Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara
Dr. Johan Afendi Ibrahim

Pusat Pengajian Undang-Undang
Prof. Madya Dr. Rohana Abdul Rahman

PENGARAH

Institut Pengurusan Kualiti
Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Prof. Dr. Nor Aziah Abdul Manaf

Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)
Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim

UUM Information Technology (UUMIT)
Prof. Dr. Abdul Malek Hj. Abdul Karim

Pusat Kerjasama Universiti-Industri
Dr. Shahrina Othman

Pusat Ko-Kurikulum
Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah

Dekan Hal Ehwal Pelajar
Prof. Madya Dr. Massudi Mahmuddin

Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa
Prof. Madya Dr. Badariah Haji Din

Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti
Prof. Madya Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar

Akademi Golf Nasional
Prof. Madya Dr. Mohd. Sobri Don @ A. Wahab

Pusat Asasi Pengurusan
Prof. Dr. Munif Zarirruddin Fikri Nordin

Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan
Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

PROFESOR

Prof. Dr. Zurni Omar

Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya

Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim

Prof. Dr. Rosna Awang Hashim

Prof. Dr. Suhaidi Hassan

Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari

Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim

Prof. Dr. Roslan Abdul Hakim

Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki

Prof. Dr. Muhamad Ali Embi

Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah

Ketua Pustakawan
Encik Salleh Hudin Mustaffa

Bendahari
Puan Eylani Ahmad

Pendaftar
Encik Baharudin Yaacob

Penasihat Undang-Undang
Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

SETIAUSAHA
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik
Puan Azian Nafiah

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (TURUT HADIR)

Pemangku Yang DiPertua
Saudara Muhammad Nazmi Akmal Rahman
(Mulai 1 Mac 2020)

Pemangku Naib Yang DiPertua
Saudara Melvin Saw Shang Kean
(Mulai 1 Mac 2020)

Stru
Universiti Ut



PETUNJUK

- BERTANGGUNGJAWAB KEPADA TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
- BERTANGGUNGJAWAB KEPADA TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
- BERTANGGUNGJAWAB KEPADA TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

KEMAS KINI 8 JANUARI 2020

ktur
ara Malaysia



Aluan Pengerusi Lembaga Universiti

Sesungguhnya tahun 2020 membawa makna baharu terhadap cabaran yang perlu ditempuh oleh semua pihak apabila pandemik Covd-19 melanda. Malaysia tidak terkecuali apabila kesan akibat pandemik dirasai khususnya dari sudut sosioekonomi dan juga pendidikan.

Bagi Universiti Utara Maaysia tahun 2020 sememangnya agak mencabar kerana banyak perkara yang telah dirancang terpaksa diubah suai atau lebih malang dibatalkan bagi memastikan wabak ini tidak merebak kepada para pelajar khususnya yang merupakan pelanggan utama dan pemegang taruh kepada Universiti. Yang amat terkesan adalah perancangan kewangan dan juga proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu melalui "norma baharu" apabila teknologi tidak dapat tidak perlu diadaptasi dalam kehidupan pelajar dan juga tenaga pengajar.

Dalam hal ini saya amat menghargai kerja keras semua pihak khususnya pengurusan tertinggi UUM yang cekal menghadapi cabaran khususnya apabila rizab tunai berkurangan berikutan pengurangan geran kerajaan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dari tahun ke tahun. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua pihak di UUM yang telah mempelbagaikan usaha dalam meningkatkan penjanaan pendapatan dalaman serta mengambil langkah penjimatan perbelanjaan.

Tidak dinafikan bahawa pandemik Covid-19 menyebabkan sedikit pengurangan perbelanjaan dalam kos utiliti dan perjalanan sara hidup, namun pengurangan ini tidak dapat menampung pengurangan hasil penjanaan yang diperlukan untuk operasi UUM.

Walau bagaimanapun, saya percaya dengan sokongan daripada semua Lembaga Pengarah Universiti yang saya terajui bersama-sama pengurusan tertinggi dapat membawa UUM melangkah dengan lebih yakin. Lebih-lebih lagi apabila kejayaan demi kejayaan mampu dicapai walaupun semasa kekangan pergerakan dan pertemuan sehingga banyak pertemuan dilakukan secara dalam talian.

Yang Berbahagia

Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar

Laporan Naib Canselor

Tahun 2020 merupakan tahun kemuncak bagi Pelan Strategik UUM Fasa 2: 2016-2020. Berdasarkan empat teras utama, iaitu Teras 1: Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan; Teras 2: Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Bakat; Teras 3: Membangun Mahasiswa Secara Holistik dan Hubungan dengan Alumni; dan Teras 4: Kelestarian Kewangan – saya percaya Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berada jauh di Utara Semenanjung Malaysia ini mampu pergi lebih jauh untuk mencapai aspirasi sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka bukan sahaja dalam negara malah ke peringkat antarabangsa. Pemantauan rapi dilakukan oleh urus setia, iaitu Institut Pengurusan Kualiti, bagi memastikan setiap pusat pengajian (PP) dan pusat tanggungjawab (PTJ) dapat melaksanakan segala agenda yang dirancang khususnya bagi menyokong beberapa agenda tertentu seperti MyRA, SETARA, QS Rankings, QS Ratings, THE Rankings dan UI GreenMetric Ranking.

Namun, tiada siapa menyangka kehadiran tahun 2020 memberikan cabaran yang amat berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini. Dan tiada siapa menyangka seluruh dunia terkesan daripada pandemik Coronavirus atau Covid-19 yang menjadi sebahagian daripada kamus hidup manusia seluruh dunia. Tiada siapa pun mampu mengatasi segala percaturan yang telah ditetapkan Tuhan. Namun, cabaran Covid-19 bukan bermakna manusia perlu mengalah malah dalam situasi pandemik inilah ketahanan diri manusia seluruh dunia teruji. Pelbagai sektor terkesan dengan agak serius khususnya dalam ekonomi dan perdagangan seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali apabila pergerakan bebas yang sebelum ini dinikmati seluruh rakyat terpaksa dibataskan bagi memastikan wabak ini dapat dikawal.

Dalam keadaan sebegini, UUM tiada pilihan melainkan mengadaptasi cara pelaksanaan pengurusan dan juga proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang merupakan nadi utama sesebuah institusi pengajian tinggi. Pelbagai kaedah dilaksanakan bagi memastikan proses P&P tidak terganggu akibat pandemik ini. Sebagai sebuah institusi yang mementingkan pembudayaan ilmu, UUM sentiasa berusaha para pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan baik apabila proses pengajaran dilakukan secara dalam talian. Walaupun pada mulanya agak kekok bagi semua staf dan pelajar mengadaptasi norma baharu ini namun alhamdulillah lama kelamaan segala cabaran yang ditempuhi di awal peralihan corak P&P berjaya diatasi.

Bagi staf pula, walaupun budaya bekerja dari rumah pada mulanya agak sukar untuk diikuti namun segala cabaran dapat diatasi apabila mesyuarat dan perjumpaan dilakukan secara dalam talian. Malah staf sering diingatkan agar selalu menjaga prosedur kesihatan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Alhamdulillah UUM masih mampu mencipta beberapa kejayaan walaupun pandemik mengganggu kelancaran perancangan yang telah diatur. Hal ini dibuktikan dengan peningkatan ranking antarabangsa walaupun terpaksa bersaing dengan universiti-universiti terkemuka tempatan mahupun antarabangsa. Antaranya UUM berjaya memperbaiki kedudukan dalam Quacquarelli Symonds World University Rankings (QSWUR) 2021 apabila berada di kedudukan 531-540, iaitu peningkatan lebih 50 anak tangga. Pencapaian ini sememangnya amat membanggakan kerana UUM terus menunjukkan lonjakan demi lonjakan yang konsisten dalam QSWUR sejak disenaraikan pada 2016. Dengan peningkatan ini, UUM berada dalam kelompok 10 Universiti Terbaik di Malaysia.

Malah kedudukan UUM dalam ranking QS World University Rankings Asia 2020 berada dalam keadaan membanggakan kerana berada di tangga 107 berbanding 116 pada tahun lalu. Malah, dalam kalangan Universiti muda di bawah 50 tahun, UUM berada dalam kelompok 100 universiti terbaik apabila menduduki tangga 81-90 dalam QSWUR Under 50 Years.

Yang lebih membanggakan buat kali pertama, Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), iaitu pusat pengajian siswazah UUM, disenaraikan dalam QS World University Rankings (QSWUR): Global MBA 2021 dengan kedudukan ke-201+ sekali gus meletakkan UUM di tangga ke-27 terbaik di Asia. OYAGSB juga merupakan satu-satunya pusat pengajian siswazah negara yang tersenarai dalam ranking berkenaan.

Bukan itu sahaja, ranking dalam Times Higher Education (THE) turut memperlihatkan lonjakan yang agak memuaskan. Dalam THE World University Rankings 2021, UUM melonjak ke tangga 601-800 berbanding 801-1000 pada tahun sebelumnya.

Kekuatan subjek Business and Economics UUM berjaya menyaingi dua universiti penyelidikan (RU) lain apabila melonjak ke tangga 251-300 terbaik dunia dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2021 dengan berada di tangga keempat dalam Malaysia. Sebelum ini, pada 2019, UUM berada di tangga 401-500. Kedudukan ini juga membolehkan UUM berada di kedudukan keenam terbaik di rantau Asia Tenggara mengatasi Chulalongkorn University dan Universitas Gadjah Mada. Selain itu, kedudukan subjek berkenaan dalam QSWUR by Subject 2020 meletakkan UUM berada di tangga keenam dari semua universiti di Malaysia apabila berada di kedudukan 251-300.

Alhamdulillah, UUM memperoleh penarafan 5 bintang dalam Malaysia Research Assessment Instrument (MyRA) bagi tahun 2017 dan 2018 pada tahun ini. Pencapaian ini adalah pencetus kepada kejayaan yang lebih besar dan Universiti kini berada di landasan yang betul dalam mencapai kecemerlangan terutamanya dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Seperti yang dimaklumi, penyelidikan merupakan antara komponen penting dalam sesebuah universiti. Sehubungan itu, hasil penyelidikan yang dibuat UUM amat penting bagi memastikan dapat disebarluaskan kepada masyarakat sejagat. Begitu juga dengan mutu penyelidikan yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, aktiviti penyelidikan pada tahun dilaporkan agak perlahan disebabkan oleh pandemik. Hal ini ditambah pula dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan hampir tiga bulan bermula Mac 2020 yang tidak membenarkan pergerakan rentas negeri dan daerah sehingga para penyelidik terpaksa menangguhkan kajian apabila akses kepada responden dari kawasan terpencil yang tiada talian internet atau perniagaan-perniagaan ditutup menyebabkan temu bual atau lawatan ke premis tidak dapat dijalankan. Penangguhan penyelidikan ini

juga menyebabkan penerbitan ke atas kajian terjejas.

Namun, demi membantu kerajaan dan masyarakat setempat melawan pandemik serta mengurangkan bebanan yang ditanggung, UUM telah menawarkan geran dalaman bernilai RM110,800. Enam projek penyelidikan telah berjaya dilaksanakan menggunakan geran berkenaan. Malah, para pelajar yang tidak dapat pulang kerana PKP juga turut tidak terkecuali apabila pelbagai projek dihasilkan bagi membantu barisan hadapan negara melalui penghasilan pakai PPE, pelitup muka DIY, pembersih tangan dan pelindung muka.

Yang lebih membanggakan, masih ada lagi geran penyelidikan diterima sepanjang pandemik berlaku seperti dua pusat pengajian, iaitu Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) dan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), telah dipilih untuk untuk menjalankan tiga penyelidikan berasingan berjumlah RM228,600 bagi tempoh dua tahun melalui permeteraian Perjanjian Penyelidikan dengan Albukhary International University (AIU). Sekumpulan pensyarah UUM yang diketuai Dr. Ahmad Rizal Mazlan pula berjaya memperoleh geran penyelidikan berjumlah RM156,000.00 daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi projek bertajuk "Impak Program Perumahan Rakyat (PPR) terhadap Kesejahteraan Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur."

Selain itu, pasukan VE ENACTUS UUM telah berjaya memperoleh dana RM11,000 apabila menduduki tempat ketiga dalam pertandaingan video pendek "Tenaga Nasional Berhad (TNB) Better, Brighter Malaysia Short Video Contest". Dalam pertandingan ini, pasukan VE telah membantu mewujudkan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Litar in Kepala Batas. Ahli pasukan terdiri daripada Ung Geok P'ng, Nik Nor Hanan Nik Ramzi, dan Siti Hajar 'Azmi. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bakat yang ada dalam kalangan pelajar UUM.

Pada tahun 2020, UUM berjaya mengkomersialkan "Cyntok Bhatik", satu produk inovasi penyelidik UUM. Pengenalan motif batik Sintok atau 'Cyntok Bhatik' telah membuka ruang dan peluang kepada usahawan tempatan dari Kampung Lebai Saman Creative Village membantu penduduk sekitar Naka, Kedah mendapatkan pekerjaan. Projek Cyntok Bhatik telah membantu masyarakat di kawasan berkenaan khususnya daerah Padang Terap menerusi Pusat Komuniti yang dimiliki Liyana Batique Collection untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan adanya peluang pekerjaan yang disediakan.Sejumlah 10 harta intelek (IP) telah dihasilkan melalui produk ini iaitu sembilan motif batik yang dilindungi di bawah kategori Reka Bentuk Perindustrian dan satu Cap Dagangan iaitu slogan "Cyntok Bhatik". Produk ini telah menarik minat pengusaha industri tekstil dan fesyen iaitu Che Ah Enterprise dan Liyana Batique Collections apabila tujuh harta intelek daripada produk ini telah dilesenkan dengan nilai pelesenan sebanyak RM30,000.00.

Sesungguhnya pembangunan modal insan amat dititikberatkan oleh Universiti ini. Oleh sebab itulah UUM sentiasa menitikberatkan bukan sahaja pencapaian akademik malah pemerkasaan bakat yang dimiliki para pelajar. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan jumlah graduan kelas pertama seramai 738 orang (15.9%) berbanding tahun 2019 iaitu 649 orang. Selain itu, kebolehpasaran graduan secara keseluruhan pada tahun 2020 menunjukkan "actual employment" iaitu 80.7% berbanding kesemua Universiti Awam yang lain. "Actual employment" membawa maksud bahawa graduan UUM bekerja dii bawah syarikat swasta ataupun kerajaan.

Melalui pemerkasaan bakat pula, walaupun terpaksa menempuhi pelbagai cabaran, pelajar UUM masih menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, seperti:

1. Anugerah "ICAEW Advantage Award" oleh The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) telah dianugerahkan kepada dua pelajar Sarjana Muda Perakaunan UUM iaitu Muhammad Rafi Abdul Razak dan Nurul Azyyati Amalin Razali;
2. Siti Shazwana Ajak, pelajar Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, telah memenangi pingat

Emas dalam Sultan's Open Championship 2020 di Uzbekistan pada Februari 2020. Sebagai pesilat elit negara, beliau juga merupakan penerima biasiswa sukan dari Kementerian Pengajian Tinggi.

3. Pasukan Advokasi dan Mut UUM yang terdiri daripada Ashwaty Ashley, Lau Jeng Chee, Divyaanjali Loganathan dan Dayana Batrisya Mohamed Nasir dari Pusat Pengajian Undang-Undang telah merangkul Johan dalam Pertandingan The 17th International Humanitarian Law Moot Court Competition 2020 National Round;
4. Ashwaty Ashley dari Pasukan Advokasi dan Mut UUM telah merangkul Best Mooter Award dalam Pertandingan The 17th International Humanitarian Law Moot Court Competition 2020 National Round; dan
5. Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM dianugerahkan Highest Honours Chapter untuk tahun akademik 2019/2020.
6. Tiga orator universiti menyapu bersih kemenangan pada International Speech Contest 2020 yang diadakan di Princess of Naradhiwas University, Narathiwat, Thailand dengan memenangi tiga tempat teratas. Mereka ialah pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Lim Sen Teng sebagai Johan; diikuti tempat kedua oleh Parthiban Saravannan, pelajar Sains Ekonomi manakala tempat ketiga ialah Ayu Lyana Kamsahpihi, pelajar Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan.
7. Looi Pui Mun, pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) memenangi peperiksaan 'Strategic Business Reporting' (SBR), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) bagi bulan Mac selepas dia memperoleh markah tertinggi di Malaysia bagi peperiksaan SBR ACCA tersebut. Looi Pui Moon merupakan Pengerusi ACCA Student Ambassador UUM dan menyertai ACCA Accelerate Program Student sejak tahun 2019.
8. Pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Chia Jing Ying muncul sebagai salah seorang pemenang utama pertandingan EY Young Tax Professional of the Year (YTPY) Malaysia 2020 yang diadakan secara maya. Chia Jing Ying telah memenangi tempat ketiga setelah menewaskan peserta lain dalam program anjuran Ernst & Young Tax Consultants Sdn. Bhd. (EY) dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
9. Seramai tujuh pelajar dalam sesi praktikum A192 telah terpilih menjalani Structured Intenship Programme (SIP) yang dikenali sebagai Program 'Smart Trucker 2.0' di PKT Logistics Group Sdn. Bhd. Program intensif selama 48 bulan ini membolehkan pelajar boleh memilih sama ada diserapkan sebagai eksekutif kanan, bekerja sendiri sebagai usahawan trak atau terus bekerja sebagai Smart Trucker selepas menamatkan latihan ini. Pelajar program ini akan dibiayai penuh untuk mendapatkan lesen GDL dan satu lesen tambahan B atau E, di samping elaun asas sebanyak RM1,500 sebulan. Lebih mengujakan, julung kalinya pada tahun ini seorang pelajar menjadi peserta perempuan pertama dari UUM yang menyahut cabaran dalam Program SIP: Smart Trucker 2.0.

UUM turut berbangga kerana warga UUM, alumni dan tokoh yang terlibat dengan Universiti ini diiktiraf peranan mereka oleh badan-badan profesional dan antarabangsa. Mereka ialah:

1. Pensyarah Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Dr. Mukhriz Mat Rus dilantik sebagai Ketua Penyelidik Serantau bagi projek yang dibiayai sepenuhnya oleh ASEAN Intergovernmental Commission of Human Rights (AICHR).
2. Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Dr. Shahrina Othman merupakan peserta tunggal dari Malaysia yang dipilih sebagai jurulatih bagi Virtual International Facilitator Development Workshop (V-IFDW) oleh British Council

3. Enam pensyarah dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) mendapat kepercayaan International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE), sebuah badan antarabangsa, apabila dilantik menjadi jurunilai bertauliah Finance Accreditation Agency (FAA). Mereka ialah Dr. Mohamad Yazid Isa, Dr. Mohd Fikri Sofi, Dr. Nashirah Abu Bakar, Dr. Noraini Yusuff, Ali Badron Mokhtar dan Shahrul Nizam Ahmad.
4. Pengarah Institut Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam dilantik sebagai Panel Pemikir bagi Penetapan Hala Tuju ANGKASA 2050 (Pelan Jangka Sederhana 2021-2030).
5. Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Muzammil Mohamad yang juga alumni UUM dilantik sebagai Ahli Kehormat Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM.
6. Prof. Madya Dr. Risyawati Mohamed Ismail, pensyarah kanan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) UUM telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa kumpulan tugas teknikal (Technical Working Group) bagi "Street Food Content Survey" oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau adalah antara 15 orang pakar dari dalam dan luar negara yang menerima pelantikan berkenaan.
7. Enam alumni program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) OYAGSB iaitu Zahiah Shadin, Suguna Ramasamy, Deneswaran Kalidasan, Tan Yee Fean, Lingeswaran Vengu dan Abdirazak Mohamed Warsame telah menerima status Pengurus Bertauliah (Chartered Manager) dari Chartered Management Institute (CMI), United Kingdom. Status ini membolehkan gelaran 'C.Mgr.' diguna pakai seperti mana kelayakan-kelayakan profesional yang lain. Status Chartered Manager (C.Mgr) adalah status pengiktirafan profesional tertinggi dalam bidang pengurusan dan kepimpinan yang boleh dianugerahkan kepada seseorang pengurus.

Sesungguhnya segala cabaran yang dilalui sepanjang 2020 memberi kekuatan dan kecekalan kepada seluuruh warga UUM agar tabah mengharungi pelbagai cabaran mendatang. Kesimpulannya, UUM mampu menempuhi pandemik Covid-19 dengan tabah malah terus menunjukkan semangat juang agar berjaya mencapai visi sebagai "Universiti Pengurusan Terkemuka".

Yang Berbahagia

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir bin Haji Abdul Ghani

Hal Ehwal Antarabangsa

HUBUNGAN LUAR TAHUN 2016 – 2020

	2016		2017		2018		2019		2020	
	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
MoU	9	34	13	29	13	29	10	32	2	18
MoA	-	3	4	1	4	1	1	5	1	-
Perjanjian Penyelidikan	1	6	2	3	2	3	1	-	-	2
LoI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4

MoU - Memorandum Persefahaman
MoA – Memorandum Perjanjian
LoI - *Letter of Intent*

HUBUNGAN LUAR TAHUN 2016 – 2020



Tahun 2020 menunjukkan penurunan disebabkan wabak Covid-19 yang secara tidak langsung menyebabkan pelbagai perancangan yang telah diatur tidak dapat dilaksanakan secara sempurna seperti yang ditunjukkan dalam graf di atas. Walau bagaimanapun, tahun ini telah menyaksikan sejumlah 27 perjanjian termasuk *Letter of Intent* (LOI), Memorandum Persefahaman (MOU), Memorandum Perjanjian (MOA) dan Perjanjian Penyelidikan (Research Agreement) telah ditandatangani antara UUM dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara.

UUM telah menandatangani sebanyak 3 memorandum dengan institusi dalam negara yang terdiri daripada MoA (1) dan MoU (2). Manakala 24 memorandum telah dibuat dengan institusi luar negara yang merangkumi LOI (4), MoU (18) dan Perjanjian Penyelidikan (2). Kerjasama yang ditandatangani meliputi pelbagai program seperti perbincangan kerjasama, pertukaran pelajar, pertukaran staf, webinar seminar kerjasama strategik, kerjasama akademik dan penyelidikan bersama (matching grant). Kesemua maklumat berkenaan boleh dilihat dalam jadual di halaman berikut.

SENARAI MoU DAN MoA DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1.	INSPEDIA SDN. BHD	UUM CAS	MOU
2.	Cybersecurity Malaysia	UUM CAS - SOC	MOU
3.	Cybersecurity Malaysia	UUM CAS - SOC	MOA

SENARAI PERJANJIAN PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1.	Loei Rajabhat University	UUM COB - STML	Research Agreement
2.	Universitas Kuningan	UUM CAS - SOC	Research Agreement

SENARAI LOI, MoU DAN MoA DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN LOI/MOU/MOA
1.	Asia Pacific Institute for Events Management (APIEM)	UUM COLGIS - STHEM	LOI
2.	Atma Jaya Catholic University of Indonesia (AJCUI)	UUM COLGIS - STHEM	LOI
3.	Muhammadiyah University of West Sumatra	UUM COLGIS - STHEM	LOI
4.	Yinchuan University of Energy	CIAC	LOI
5.	Bansomdejchaopraya Rajabhat University	UUM CAS - SMMTC	MOU
6.	Middle East And Arab Centre For University	CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa)	MOU
7.	Northern Illinois University (NIU)	COB-SEFB	MOU
8.	Qatar University	CIAC (Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa)	MOU
9.	Social Sciences University Of Ankara (ASBU)	UUM COLGIS - GSGSG	MOU
10.	Suan Dusit University	UUM CAS - SMMTC	MOU
11.	Universitas Bakrie	UUM COLGIS - SOIS	MOU
12.	Universitas Brawijaya	UUM COLGIS - SOG	MOU
13.	Universitas Gadjah Mada	UUM COLGIS - GSGSG	MOU
14.	Universitas Islam Negeri Ar-Raniry	UUM CAS - SAPSP	MOU
15.	Universitas Kanjuruhan Malang	UUM CAS - SEML	MOU
16.	Universitas Krisnadwipayana	UUM COLGIS - GSGSG	MOU
17.	Universitas Kuningan	UUM CAS - SOC	MOU
18.	Universitas Mercu Buana	UUM CAS - SMMTC	MOU
19.	Universitas Muhammadiyah Surakarta	UUM CAS - SEML	MOU
20.	Universitas Muria Kudus (UMK)	CAS-SMMTC	MOU
21.	Universitas Sahid Jakarta	UUM COLGIS - STHEM	MOU
22.	Universitas Sanggabuana	UUM COB - SEFB	MOU

Hal Ehwal Akademik & Majlis Konvokesyen

Jumlah kemasukan keseluruhan pelajar di UUM adalah seramai 7,922 bagi tahun 2020 iaitu 6,566 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 1,356 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

Bagi kemasukan peringkat sarjana muda, 5,519 mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Kampus Sintok., 1,042 orang mengikuti Pengajian Jarak Jauh manakala 5 orang lagi mengikuti program Kerjasama. Manakala bagi pascasiswazah pula, seramai 876 pelajar mengikuti pengajian sarjana dan 480 lagi mengikuti pengajian lain di peringkat pascasiswazah.

Kemasukan Keseluruhan Pelajar Tahun 2020



Kemasukan Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Tahun 2020

6,566

MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN /TAHAP



MENGIKUT KOLEJ:



Kemasukan Pelajar Program Pascasiswazah Tahun 2020

1,356

MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN /TAHAP



MENGIKUT KOLEJ:



Kemasukan Pelajar Antarabangsa Tahun 2020

Pascasiswazah **296**

Sarjana Muda **304**

JUMLAH : **600**

daripada Negara **31**

Jumlah kemasukan pelajar antarabangsa bagi tahun 2020 adalah seramai 600 orang dari 31 negara, iaitu 296 mengikuti pengajian pascasiswazah manakala 304 lagi mengikuti pengajian sarjana muda.

Dengan kemasukan pelajar seramai 7,922 pada tahun 2020, ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar di UUM seramai 33,130 orang iaitu 28,585 orang terdiri daripada pelajar yang mengikuti pengajian sarjana muda sementara 4,545 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR UUM

33,130



Pelajar Pascasiswazah

4,545



Pelajar Sarjana Muda

28,585

Daripada 28,585 pelajar sarjana muda, 69.74% atau 19,935 mengikuti pengajian dalam kampus, 29.11% atau 8,321 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian jarak jauh, 0.97% atau 278 orang merupakan pelajar yang mengikuti program kerjasama manakala 0.18% atau 51 orang mengikuti program eksekutif.

Bagi pengajian dalam kampus, 4,523 merupakan pelajar yang mengikuti program pengajian UUM CAS, 11,088 dari UUM COB manakala 4,324 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian program di UUM COLGIS.

Manakala seramai 4,545 pelajar mengikuti peringkat pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut, 50.1% atau 2,277 mengikuti pengajian sarjana, 47% atau 2,136 mengikuti pengajian Ph.D /DBA /DEd. /D. Mgmt, 2.84% atau 129 orang merupakan pelajar Diploma Lepasan Ijazah manakala 0.06% atau 3 orang mengikuti program Pascakedoktoran.

JUMLAH PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA MENGIKUT PEMBELAJARAN

28,585



JUMLAH PELAJAR PERINGKAT PASCASISWAZAH

4,545



ENROLMEN PELAJAR PADA TAHUN 2016 – 2020







ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA PADA TAHUN 2016 – 2020





Jumlah Keseluruhan Pelajar Antarabangsa

2,304

daripada **49** Negara

Pascasiswazah **1,233**

Sarjana Muda **1,071**

ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

Pada tahun 2020, jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pelbagai program pengajian di UUM adalah seramai 2,304 orang yang berasal dari 49 buah negara. Daripada jumlah tersebut, 1,071 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 1,233 lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

Pelajar dari Indonesia merupakan yang paling ramai mengikuti pengajian di Universiti ini iaitu seramai (675) orang diikuti China (360), Pakistan (245), Nigeria (175), Somalia (126), Yaman (111), UAE (105), Iraq (92), Thailand (73), Jordan (62) dan Algeria (50).



PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN UUM TAHUN 2020

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia pada 2020 sememangnya membawa banyak cabaran. Disebabkan kes penularan yang agak membimbangkan sehingga ke penghujung tahun 2020, pihak Pengurusan Tertinggi Universiti telah mengambil keputusan untuk menangguhkan majlis konvokesyen pada tahun ini. Disebabkan penangguhan berkenaan maka tiada penganugerahan ijazah kehormat diadakan.

GRADUAN PASCASISWAZAH DAN SARJANA MUDA

Pada tahun 2020, terdapat seramai 5,795 orang graduan bagi program pascasiswazah dan sarjana muda telah dianugerahkan ijazah masing-masing. Maklumat terperinci penganugerahan ijazah tersebut adalah seperti berikut:

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	JABATAN					
		UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	PACE	OYAGSB	JUMLAH
1.	D.Mgmt	-	-	1	-	6	7
2.	DBA	-	-	-	-	23	23
3.	Diploma Lepasan Ijazah	91	-	-	-	-	91
4.	Ph.D	50	125	48	-	7	230
5.	Sarjana	344	265	155	-	50	814
6.	Sarjana Muda	810	2,207	946	667	-	4,630
JUMLAH		**1295**	**2,597**	**1150**	**667**	**86**	**5,795**

PECAHAN GRADUAN SARJANA MUDA IKUT KELAS IJAZAH

Maklumat berkaitan jumlah graduan dan peratusan mengikut kelas ijazah adalah seperti berikut:

KELAS IJAZAH	JUMLAH GRADUAN	PERATUSAN (%)
Kelas Pertama	738	15.9
Kelas Kedua Atas	3,357	72.5
Kelas Kedua Bawah	535	11.6
JUMLAH KESELURUHAN	**4,630**	**100.00**



PERBANDINGAN GRADUAN UUM DARI 2016-2020

Halaman sebelah menunjukkan perbandingan jumlah graduan yang UUM hasilkan dari tahun 2016-2020. Daripada rajah berkenaan dapat dilihat terdapat penurunan jumlah graduan dari 2017 sehingga ke tahun 2020.

Walau bagaimanapun, jumlah graduan yang mendapat kelas pertama pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

GRADUAN TAHUN 2016 – 2020



PELAJAR SARJANA MUDA MENGIKUT KELAS IJAZAH



PECAHAN GRADUAN TAHUN 2016 - 2020











Maklumat Penyelidikan, Penerbitan Penyelidikan dan Inovasi

Tahun 2020 menyaksikan perubahan norma kebiasaan masyarakat apabila negara dilanda pandemik Covid-19. Ia turut memberi kesan kepada lanskap penyelidikan Universiti secara signifikan apabila penyesuaian dan pendekatan holistik terpaksa diambil bagi menyokong ekosistem penyelidikan dan melestari pencapaian. Dalam konteks UUM, walaupun terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi, usaha dan inisiatif untuk mengekalkan momentum kecemerlangan penyelidikan, penerbitan dan inovasi yang berpaksikan 'Ilmu Budi Bakti' dengan penyesuaian budaya kerja yang lebih inovatif dan dinamik menggunapakai teknologi dalam era IR 4.0.

Selaras dengan tema baharu KPT iaitu 'Melonjak Tradisi Keilmuan', UUM terus menyemarakkan inisiatif dan strategi untuk menjayakan objektif utamanya untuk menjadi pusat kecemerlangan, pusat rujukan dan pusat sumber yang terulung dalam bidang Pengurusan. Penerapan budaya kecemerlangan kesarjanaan melalui penyelidikan dalam kalangan penyelidik UUM merupakan komponen penting dalam usaha UUM untuk melonjakkan reputasi Universiti.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), bertindak sebagai platform yang kondusif untuk menyubur dan menyemarakkan budaya penyelidikan – memfasilitasi insan penyelidik, menyediakan sistem sokongan penyelidikan serta kepimpinan penyelidikan. Dengan adanya ekosistem yang kondusif, budaya dan persekitaran penyelidikan yang berimpak tinggi dalam kalangan staf akademiknya dapat dilahirkan di samping menggalakkan penyelidikan yang dapat memberi impak kepada masyarakat. UUM melalui RIMC akan terus mendorong penyelidiknya untuk meningkatkan kolaborasi dengan rakan penyelidik luar, industri serta rakan pembiaya kebangsaan dan antarabangsa untuk melonjakkan reputasi dan keterlihatan penyelidikan UUM ke tahap yang lebih gemilang. Blueprint penyelidikan yang telah, sedang dan akan dirangka seperti R.I.C.E 1.0, R.I.C.E.S 2.0 dan terbaharu pembudayaan Hari 4P (Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan dan Pengkormersilan) diyakini dapat memperkukuh dan melonjak budaya berasaskan penyelidikan. UUM berharap akan terus dapat menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat dan komuniti yang akan menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat dan pembangunan negara melalui penyebaran pengetahuan.

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Pencapaian penyelidikan dari tahun 2015 hingga 2020 adalah seperti berikut:

Pencapaian Penyelidikan bagi 2015 hingga 2020



Pada tahun 2020, UUM berjaya memperoleh dana penyelidikan berjumlah **RM13,256,711.83** dan perolehan dana-dana disasarkan berdasarkan kepada sumber berikut:

i) Dana Universiti
ii) Dana Kebangsaan
iii) Dana Swasta/Industri
UUM juga sentiasa berusaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan yang dijalankan. Pada tahun 2020, pihak UUM telah berjaya mendatangani perjanjian pelesenan rekabentuk perindustrian dan cap dagangan hasil daripada penyelidikan dengan dua (2) syarikat iaitu Che ah Enterprise dan Liyana Batique Collections di bawah projek Cyntok Bhatik bernilai RM30,000.00. Projek ini adalah projek industri kreatif yang menjadikan Pokok Sintok dan Bunga Kertas sebagai asas dalam pembangunan produk seperti corak pada batik, cendermata dan dan lain-lain produk kraftangan.

Jumlah Keseluruhan Harta Intelek UUM yang Telah Didaftarkan di MyIPO

Bil.	Perkara	Tahun					Jumlah
		2016	2017	2018	2019	2020	
1.	Paten	1	3	3	1	1	9
2.	Hak cipta	55	113	65	106	136	475
3.	Reka bentuk perindustrian	-	-	1	9	-	10
4.	Cap dagangan	3	-	13	1	9	26
5.	Rahsia dagangan	-	-	-	3	-	3
JUMLAH		**59**	**116**	**82**	**120**	**146**	**523**

Sumber gambar : SCIMPA, UUM

Harta Intelek yang didaftarkan di MyIPO

Promosi

LAPORAN PROMOSI SEBELUM DAN SELEPAS COVID-19

Aktiviti promosi melalui penganjuran pelbagai program menarik sebagai pengisiannya merupakan salah satu medium penyampaian maklumat secara terus kepada masyarakat. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) sentiasa merangka dan mengaturkan program-program promosi bagi menyalurkan maklumat akademik serta kaedah pemilihan ke universiti awam kepada para pelajar dan ibubapa. Aktiviti promosi yang telah menjadi sebahagian daripada kalendar tahunan KPT adalah Jom Masuk IPT dan program Outreach di luar bandar dan kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

KPT melalui BKPA sentiasa berusaha meluaskan program promosi sebagai kaedah penyampaian maklumat di mana lokasi yang dipilih adalah sekurang-kurangnya 6 penganjuran Jom Masuk IPT setahun. Bilangan lokasi ini telah dipertingkatkan saban tahun sehingga mencecah 16 lokasi setahun. Menurut Dato Seri Idris Bin Jusoh yang pernah menjawat jawatan Menteri Pengajian Tinggi, aktiviti promosi melalui Jom Masuk IPT amat berfaedah kerana kaedah ini dapat membantu masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai jaringan internet khasnya pedalaman Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan laluan-laluan untuk melanjutkan pengajian, program pengajian yang ditawarkan serta kemudahan yang disediakan oleh institusi pendidikan.

Untuk itu, Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai sebuah Universiti Awam yang berfokus, sentiasa memberikan komitmen dan menyokong usaha KPT dengan menyertai setiap penganjuran di seluruh negara. Sokongan padu ini dapat dilihat berdasarkan penglibatan UUM dalam program Jom Masuk IPT, Outreach dan Karnival Pendidikan Kolej Matrikulasi Malaysia (KPPM). Malah, UUM turut menyertai mini karnival pendidikan yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah.

Malangnya, pada tahun 2020, semua penganjuran program promosi telah terkesan akibat pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Akibatnya, semua penganjuran program promosi berskala besar terpaksa ditangguh atau dibatalkan. Kesan yang amat ketara dapat dilihat apabila bilangan aktiviti promosi yang disertai UUM pernah mencatatkan 40 program setahun menurun kepada 10 program. Walau bagaimanapun, UUM masih aktif menyalurkan maklumat berkaitan akademik khasnya kemasukan ke UUM secara maya. Slot taklimat akademik secara maya ini telah diaturkan sama ada pihak sekolah, NGO atau para pemimpin yang sentiasa berusaha untuk meneruskan kelangsungan aktiviti promosi dan penyaluran maklumat kepada masyarakat khasnya pelajar.

Kesimpulannya, pandemik Covid-19 telah menjejaskan semua aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai secara bersemuka termasuk program promosi. Namun begitu, semua pihak yang berhasrat untuk menganjurkan program promosi tetap akur dengan ketetapan yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, penangguhan dan pembatalan program promosi di seluruh negara tidak memberikan kesan secara langsung kepada pengambilan pelajar ke program-program Sarjana Muda di UUM. Situasi ini boleh dinilai berdasarkan unjuran pengambilan melalui UPU yang masih dapat dikekalkan dan jumlah kemasukan pelajar tidak terjejas. Faktor ini berkemungkinan disebabkan oleh pengetahuan masyarakat terhadap prestasi dan kualiti pembelajaran serta pengajaran bagi program Sarjana Muda yang ditawarkan oleh UUM telah mencapai satu standard yang amat membanggakan. Malah, kemampuan UUM untuk menyediakan kemudahan penginapan yang selesa kepada semua pelajar sepanjang pengajian turut menjadi nilai tambah yang sangat membantu dalam mendorong masyarakat khasnya ibubapa dalam memberi pertimbangan terhadap institusi pengajian yang dipilih untuk anak-anak mereka melanjutkan pengajian.

Program promosi universiti dijalankan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik, Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa (CAIC UUM), Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori serta tiga Kolej Akademik iaitu UUM College of Business (UUM COB), UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS) dan UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS).

Berikut merupakan senarai program promosi yang telah disertai Universiti Utara Malaysia sepanjang tahun 2020 melibatkan promosi dalam dan luar negara. Promosi berkenaan dilaksanakan dalam bentuk bersemuka iaitu sebelum pandemik Covid-19 semakin serius dan secara dalam talian.

Promosi Dalam Negara

BIL	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT	TEMPAT	TUJUAN
1.	10/01/2020	11/01/2020	Kolej Matrikulasi Melaka, Melaka.	Karnival Pendidikan & Kerjaya Kolej Matrikulasi Malaysia Sesi 2019/2020
2.	17/01/2020	18/01/2020	Kolej Matrikulasi Labuan	Karnival Pendidikan & Kerjaya Kolej Matrikulasi Malaysia Sesi 2019/2020
3.	01/02/2020	02/02/2020	Kolej Matrikulasi Pahang, Gambang, Pahang.	Karnival Pendidikan & Kerjaya Kolej Matrikulasi Malaysia Sesi 2019/2020
4.	06/02/2020	07/02/2020	Kolej Matrikulasi Kelantan, Kelantan.	Karnival Pendidikan & Kerjaya Kolej Matrikulasi Malaysia Sesi 2019/2020
5.	15/02/2020	16/02/2020	Persada, Johor Bharu, Johor Darul Ta'zim.	Program Jom Masuk Ipt 2020 (Jmipt 2020) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (Kpt)
6.	22/02/2020	23/02/2020	Kompleks Sukan Universiti, Kampus UMP Gambang, Pahang Darul Makmur.	Program Jom Masuk Ipt 2020 (Jmipt 2020) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (Kpt)
7.	24/02/2020	24/02/2020	Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah.	Outreach Anjuran Eduseed Sdn Bhd.
8.	29/02/2020	01/03/2020	Taman Tasik Darulaman, 06000 Jitra, Kedah Darulaman	Program Jom Masuk Ipt 2020 (Jmipt 2020) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (Kpt)
9.	07/03/2020	08/03/2020	Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah.	Program Jom Masuk Ipt 2020 (Jmipt 2020) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (Kpt)
10.	14/03/2020	15/03/2020	Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus, Terengganu.	Program Jom Masuk Ipt 2020 (Jmipt 2020) Anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (Kpt) – (Dibatalkan Kerana Covid-19 Yang Melanda Negara Pada Tahun 2020).

Promosi Luar Negara

BIL	TARIKH	TEMPAT/PLATFORM	ACARA/ AKTIVITI/ MESYUARAT	DELEGASI
1.	06/02/2020-09/02/2020	Jakarta Convention Center (JCC), Indonesia	"Indonesia International Education Training and Scholarship EXPO 2020"	Norazlin Abd. Jalil
2.	20/06/2020	Pakistan - WEBINAR	"Study at University Utara Malaysia: Pakistan Specific Session"	Prof. Dr. Huda Ibrahim A. Prof Dr. M. Fuad Othman Prof. Dr. Salniza MD. Salleh
3.	26/06/2020-27/06/2020	Kuwait, Bahrain and Egypt	YES2Malaysia - The Biggest Education Malaysia Virtual Expo 2020	Marketing Division
4.	06/07/2020	China (Webinar)	"Malaysia-China Higher Education Promotion"	Dr. Jennie Soo Hooi Sin
5.	11/07/2020-12/07/2020	Pakistan	Pameran Pendidikan Secara Maya "Largest Virtual Education Fair Study in Malaysia"	Marketing Division
6.	25-26/7/2020	Qatar, Oman, UAE	YES2Malaysia - The Biggest Education Malaysia Virtual Expo 2020	Marketing Division
7.	06/10/2020	Indonesia (Webinar)	Sesi Perkongsian Bersama Edu Malaysia tentang Pengelolaan dan Peluang Berniaga Pada Industri Kreatif.	Dr. O.K. Mohd Fajar Ikhsan
8.	21/10/2020	China Annual Conference for International Education (FB LIVE)	Keynote Address by UUM Vice Chancellor "Future of the Higher Education Globalization Challenges, Opportunities and Solutions"	Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani
9.	25/10/2020	Beijing (Webinar)	"Education Malaysia Affordable Education-Education Malaysia Beijing"	Prof. Madya Ainuddin Lee
10.	02/11/2020-06/11/2020	Indonesia (Webinar)	"East Jakarta Virtual Education Fair 2020" in Collaboration with Indonesian State Education Malaysia Global Services (EMGS-Indonesia)	Dr. Mohammad Fajar Ikhsan Nur Ria Damayanti Dr. Siti Rozaina Kamsani
11.	13/11/2020	Jakarta (Webinar)	Career Day SMA Negeri 81 Jakarta. "Serba-Serbi Jurusan Creative Digital Marketing & E-Commerce"	Norazlin Abd. Jalil
12.	18/11/2020	Jakarta, Indonesia (Webinar)	"Ayo Kuliah di Malaysia"	Prof. Madya Ts. Dr. Norliza Katuk Norazlin Abd. Jalil

Education Malaysia Global Assist
yes 2 malaysia
THE BIGGEST
EDUCATION MALAYSIA
VIRTUAL EXPO 2020
Organized by rexpo
Education Malaysia Global Assist
A journey to your future with an
INTERNATIONALLY ACCREDITED UNIVERSITY
UUM
Universiti Utara Malaysia
26 JULY | 9PM
(1:00am Malaysia)
25 - 26 JULY 2020
7 PM - 11 PM (GMT +4)
zoom
Webinar Zoom link:
https://us02web.zoom.us/j/84745468547

Education MALAYSIA
EDUCATION MALAYSIA AND FAHIM ABBASI PRESENTS
LIVE
MUST ATTEND
FACEBOOK
LIVE SESSION ON
Study at
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Tuesday, 9th June, 2020
2:00 PM (GMT + 5)
Prof. Dr. Huda Ibrahim
ASSISTANT VICE CHANCELOR
UUM COLLEGE OF ARTS & SCIENCES
A. Prof. Dr. M. Fuad Othman
ASSISTANT VICE CHANCELOR
UUM COLLEGE OF LAW GOVERNMENT & INTERNATIONAL STUDIES
Prof. Dr. Salniza MD. Salleh
ASSISTANT VICE CHANCELOR
UUM COLLEGE OF BUSINESS
PAKISTAN SPECIFIC SESSION
For Inquiries
FAHIMABBASI
fahim@fahimabbasi.biz
+92 312 4458899
Joint Coordinator - Marketing Division, UUM
UUM
Universiti Utara Malaysia

UUM
Universiti Utara Malaysia
The Eminent Management University
Malaysia-China
Higher Education Promotion
Education MALAYSIA
SCAN
TO REGISTER
DR JENNIE SOO HOOI SIN
MANAGER
MOBILITY PROGRAMME & INTERNATIONAL RELATIONS
Speaker
6 JULY 2020
2:30pm - 4:30pm
OPEN TO PUBLIC

Sumber Manusia dan Pembangunan Infrastruktur

Staf Lanjut Pengajian

Pada tahun 2020, jumlah staf Pensyarah/Tutor/Pentadbiran yang melanjutkan pengajian dari Januari hingga Disember 2020 adalah seperti perincian dalam jadual di bawah:

Kolej/Jabatan	Sarjana Muda	Sarjana	PhD	Jumlah
UUM COB			2	2
UUM CAS			4	4
UUM COLGIS		1	2	3
Lain-lain jabatan		3	2	5
Jumlah		**4**	**10**	**14**

Staf akademik yang melanjutkan pengajian, melapor diri dan menamatkan pengajian dengan PhD bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Lanjut Pengajian (Jan-Dis 2020)	Lapor Diri (Jan-Dis 2020)	Tamat Pengajian dengan Phd (Jan - Dis 2020)
8	16	2

Statistik Staf Naik Pangkat Tahun 2020

Pada tahun 2020, seramai 137 orang staf telah dinaikkan pangkat yang terdiri daripada 81 orang staf akademik dan 14 orang dari kumpulan pengurusan & profesional dan 42 orang staf pelaksana.

Statistik Kenaikan Pangkat

137

Kumpulan Akademik	81 Orang
Pensyarah Universiti (VK7)	12
Pensyarah Universiti (VK6)	2
Pensyarah Universiti (DS54)	46
Pensyarah Universiti (DS52)	21



Kumpulan Pelaksana	42 Orang
Juru X-Ray (U36)	1
Juruteknologi Makmal Perubatan (U36)	1
Pen. Peg. Belia Dan Sukan (TBK) (S32)	1
Pen. Peg. Teknologi Maklumat (TBK)(FA32)	1
Penolong Juruaudit (TBK)(W32)	1
Penolong Pegawai Belia dan Sukan (S32)	1
Penolong Pegawai Tadbir (TBK) (N32)	1
Pembantu Tadbir (P/O) N28	1
Pembantu Tadbir (P/O) (N26)	2
Juruteknik (Elektrik) (TBK) (J22)	1
Juruteknik (Elektronik) (TBK) (J22)	1
Juruteknik Awam (TBK)(J22)	1
Pembantu Pustakawan (TBK)(S22)	1
Pembantu Tadbir (P/O)(TBK) (N22)	21
Penyelia Asrama (N22)	1
Pengawal Keselamatan (TBK2) (KP16)	1
Pengawal Keselamatan (KP14)	2
Pengawal Keselamatan (TBK)(KP14)	3

Kumpulan Pengurusan dan Profesional	14 orang
Jurutera (Awam) (J54)	1
Pegawai Pergigian (UG54)	1
Pegawai Perubatan (UD54)	1
Pegawai Tadbir (N54)	1
Pegawai Tadbir (Fleksi) (N52)	1
Pegawai Kewangan (W48)	1
Pegawai Teknologi Maklumat (F48)	1
Pengawai Keselamatan (KP48)	1
Pustakawan (S48)	1
Jurutera (Awam) (Fleksi) (J44)	1
Peg. Tek. Maklumat (Fleksi) (F44)	3
Pengurus Asrama (Fleksi) (N44)	1

Statistik Staf: Staf Akademik

Jumlah tenaga akademik pada tahun 2019 adalah sebanyak orang dengan pecahan 67 orang Profesor, 281 orang Profesor Madya, 615 orang Pensyarah Kanan, 135 orang Pensyarah, 72 orang Tutor dan 64 orang Guru Bahasa, tiga orang Guru Katering dan lapan orang Felo Universiti.

Jawatan Akademik	Jawatan Hakiki (Penuh)	AGN UUM	OYAGSB	Pu AsP	RIMC	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	UUM KL	Jumlah
Profesor	Pensyarah Universiti (VK5)	-	1	-	-	-	-	1	-	2
	Pensyarah Universiti (VK6)	-	1	-	-	1	4	-	-	6
	Pensyarah Universiti (VK7)	-	7	-	-	19	21	9	1	57
	Distinguished Visiting Professor	-	1	-	1	-	-	-	-	2
Profesor Madya	Pensyarah Universiti (DS53)	-	1	-	-	5	3	1	-	10
	Pensyarah Universiti (DS54)	-	6	-	-	85	122	54	2	269
	International Lecturer (Assoc Professor)	-	-	-	-	-	1	1	-	2
Pensyarah Kanan	Pensyarah Universiti (DS52)	-	1	-	-	127	139	47	6	320
	Pensyarah Universiti (DS51)	-	4	-	-	96	104	47	2	253
	International Lecturer (Senior)	1	3	-	-	13	19	6	-	42
Pensyarah	Pensyarah Universiti (DS45)	1	-	1	-	60	46	27	-	135
JAAS	Joint Appointment Academic Scheme	-	-	-	-	1	1	-	-	2
Guru	Guru Bahasa (DG41)	-	-	-	-	35	-	-	-	35
	Guru Bahasa (DG44)	-	-	-	-	19	-	-	-	19
	Guru Bahasa (DG48)	-	-	-	-	10	-	-	-	10
	Guru Katering (DG41)	-	-	-	-	-	-	3	-	3
Tutor	Tutor (DA41)	-	-	-	-	-	2	3	-	5
	Tutor (Tanpa Skim)	1	-	-	-	21	26	19	-	67
Felo Universiti	Felo Universiti (Kategori DS45)	1	-	-	-	2	-	-	-	3
	Felo Universiti (Kategori DS51)	-	-	-	-	-	1	1	-	2
	Felo Universiti (Kategori DS53)	-	-	-	-	1	-	-	-	1
	Felo Universiti (Kategori DS54)	-	-	-	-	-	-	2	-	2
Jumlah		**4**	**25**	**1**	**1**	**495**	**489**	**221**	**11**	**1247**



Statistik Staf: Pensyarah Pelawat

Jumlah Pensyarah Pelawat tahun 2020 sebanyak 48 orang dengan pecahan orang 2 Profesor, 2 orang Profesor Madya, 42 orang Pensyarah Kanan dan dua dari Joint Appointment Academic Scheme.

Jawatan Akademik	Jawatan Hakiki (Penuh)	AGN UUM	OYAGSB	RIMC	UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	Jumlah
Profesor	Distinguished Visiting Professor	-	1	1	-	-	-	2
Profesor Madya	International Lecturer (Assoc Professor)	-	-	-	-	1	1	2
Pensyarah Kanan	International Lecturer (Senior)	1	3	-	13	19	6	42
JAAS	Joint Appointment Academic Scheme	-	-	-	1	1	-	2
Jumlah		**1**	**4**	**1**	**14**	**21**	**7**	**48**



Dalam menuju ke arah Universiti yang bertaraf dunia, seramai 33 tenaga akademik sedang melanjutkan pengajian untuk mengikuti program peringkat PhD dan juga ke peringkat Sarjana.

Jabatan Hakiki	Profesor		Profesor Madya		Pensyarah Kanan		Pensyarah		JAAS		Guru		Tutor		Felo Universiti		Jumlah	
	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP	SA	MP
AGN UUM	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	1	1	-	3	1
OYAGSB	10	-	7	-	8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	25	0
Pu AsP	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	0
RIMC	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	0
UUM CAS	20	-	90	-	236	-	58	2	1	-	64	-	7	14	3	-	479	16
UUM COB	25	-	126	-	262	-	44	2	1	-	-	-	21	7	1	-	480	9
UUM COLGIS	10	-	56	-	100	-	27	-	-	-	3	-	15	7	3	-	214	7
UUM KL	1	-	2	-	8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11	0
Jumlah	**67**	**0**	**281**	**0**	**615**	**0**	**131**	**4**	**2**	**0**	**67**	**0**	**43**	**29**	**8**	**0**	**1214**	**33**

*SA - Sedia ada
* MP - Melanjutkan pengajian (cuti belajar)

Statistik Staf: Staf Pentadbiran

Bagi tahun 2020, jumlah staf pentadbiran adalah seramai 1712 orang (tidak termasuk staf sambilan) dengan taburan penempatan seramai 986 di jabatan, 239 orang di kolej dan lebihan 487 di Pusat/Institut/Unit.

Statistik Staf Pentadbiran

1712



Staf Pentadbiran di Jabatan

Jab. Pembangunan dan Penyenggaraan	226
Jabatan Bendahari	63
Jabatan Canselori	74
Jabatan Hal Ehwal Akademik	43
Jabatan Hal Ehwal Pelajar	222
Jabatan Keselamatan	112
Jabatan Pendaftar	117
Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan	19
Perpustakaan Sultanah Bahiyah	110
Jumlah	**986**

Staf Pentadbiran di Institut/Pusat

Akademi Golf Nasional UUM	6
Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi	15
Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad	10
Institut Pengurusan Kualiti	20
Institut Penyelidikan Pengurusan & Perniagaan	7
Medical Diagnostic Universiti Utara Malaysia	8
Pusat Alumni	4
Pusat Asasi Pengurusan	6
Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa	16
Pusat Inovasi dan Pengkomersilan	6
Pusat Islam	21
Pusat Kerjasama Universiti-Industri	18
Pusat Kesihatan Universiti	55
Pusat Kokurikulum	11
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti	12
Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian	3
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	29
Pusat Sukan	26
Unifilm Studio UUM	16
UUM Information Technology	138
UUM Kampus Kuala Lumpur	16
UUM Press	44
Jumlah	**487**

Staf Pentadbiran di Kolej

Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences	18
Ghazali Shafie Graduate School of Government	8
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business	21
UUM College of Arts and Sciences	84
UUM College of Business	61
UUM College of Law, Government and International Studies	47
Jumlah	**239**

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 (Terima Tahun 2020)

Seramai 243 orang staf UUM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 yang berlangsung pada tahun 2020 yang bermatlamat mengiktiraf sumbangan dan sokongan staf universiti kepada pembangunan universiti ini. Daripada jumlah tersebut seramai 89 orang adalah staf akademik , 29 orang staf pengurusan dan profesional dan 125 orang staf pelaksana.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019

243



LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

1

RMKe-10:
Pembinaan Dewan Serbaguna UUM.
Kos siling asal yang diluluskan adalah sebanyak RM7,500,000.00 dan kos siling baru (Tambahan peruntukan dari baki projek RMK) adalah sebanyak RM 17,000,000.00

Projek Pembinaan Dewan Serbaguna dilaksanakan oleh UUM. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada Januari 2021 dan tarikh dijangka siap pada November 2022.

PANDANGAN PERSPEKTIF 1

PANDANGAN PERSPEKTIF 2

PANDANGAN PERSPEKTIF 3

2 RMKe-10:
Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum

Kos siling asal yang diluluskan adalah sebanyak RM8,000,000 dan kos siling baru (Tambahan peruntukan dalaman Universiti) adalah sebanyak RM 9,000,000.00

Projek Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 1 Ogos 2019 dan tarikh jangka siap ialah pada 10 Februari 2021. Peratus kemajuan semasa bertarikh 13 Disember 2020 ialah 28% berbanding jadual 29% yang mana mengalami kelewatan sebanyak 1%(2 hari). Lanjutan masa pertama telah diberikan sehingga pada 11 Ogos 2021. Kontraktor utama yang terlibat ialah Innokoperat Sdn. Bhd. dengan kos kontrak sebanyak RM 8,785,500.00

PANDANGAN PERSPEKTIF

GAMBAR-GAMBAR KEMAJUAN KERJA DI TAPAK 22 NOV 2020

3 RMKe-11:
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar, UUM COLGIS

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM41,500,000.00

Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 29 November 2017 dan tarikh jangka siap baru selepas lanjutan masa ke-4 ialah pada 12 Julai 2021. Peratus kemajuan semasa pada 13 Disember 2020 ialah 69% berbanding jadual 71%.

PANDANGAN PERSPEKTIF

GAMBAR-GAMBAR KEMAJUAN KERJA DI TAPAK 22 NOV 2020

4 RMKe-11:
Tambahan Bangunan Pusat Komputer (Tawaran Semula)

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM18,000,000.00

PELAN TAPAK

Projek Tambahan Bangunan Pusat Komputer dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 Jun 2019 dan tarikh jangka siap selepas lanjutan masa pertama ialah pada 3 September 2021. Peratus kemajuan semasa pada 13 Disember 2020 ialah 18% berbanding jadual 44% atau kelewatan sebanyak 26%.

GAMBAR-GAMBAR KEMAJUAN KERJA DI TAPAK 22 NOV 2020

5 RMKe-11 (RP4 2019 - 2020):
Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11kV bagi Mengganti Pencawang Utama 11kV Sediada di UUM.
Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM6,000,000.00

Projek Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11kV bagi Mengganti Pencawang Utama 11kV Sediada di UUM dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 18 Jun 2020 dan tarikh jangka siap ialah pada 28 Januari 2021. Peratus kemajuan semasa pada 8 Disember 2020 ialah 39% berbanding jadual 61% atau mengalami kelewatan sebanyak 21%.

GAMBAR-GAMBAR KEMAJUAN KERJA DI TAPAK 22 NOV 2020

6 RMKe-11 (RP4 2019 - 2020):
Menaiktaraf Infrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 1, 2 dan 3.
Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM21,836,000.00

Projek Menaiktaraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal Serta Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 1, 2 dan 3 dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Proses penilaian oleh Lembaga Perolehan JKR telah dibuat namun melebihi siling projek. KPT mengarahkan JKR untuk '*design to cost*'. Pembinaan dijangka bermula pada Januari 2021 dan tarikh jangka siap pada Julai 2023

7 RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Kerja-kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan Di Dalam Kampus UUM.

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM7,000,000.00

Projek Kerja-Kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan Di Dalam Kampus UUM telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 17 Februari 2020 dan tarikh jangka siap selepas lanjutan masa kedua ialah pada 30 Disember 2020. Peratus kemajuan semasa pada 15 Disember 2020 ialah 96% berbanding jadual 98% atau mengalami kelewatan sebanyak 2%.

GAMBAR-GAMBAR KEMAJUAN KERJA DI TAPAK 22 NOV 2020



8 RMKe-11 (RP4 2019 - 2020): Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) UUM

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM8,500,000.00

Projek Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) UUM dilaksanakan oleh UUM. Projek ini telah mendapat kelulusan JPICT KPM pada 8 Mei 2019. Peratus kemajuan semasa pada 8 Disember 2020 ialah 97% yang mana ianya mengikut seperti dalam jadual. Antara projek Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat (IT) UUM yang dijalankan adalah seperti yang berikut:

(i) Menaiktaraf Perkakasan Rangkaian Kampus UUM.
Status: Projek siap (01 Disember 2019).

(ii) Menaiktaraf Server Sistem Maklumat Utama Universiti.
Status: Projek siap (26 Mac 2020).

(iii) Menaiktaraf Suis Utama Rangkaian Pusat Data.
Status: Projek siap (29 September 2020).

(iv) Menaiktaraf Peralatan WiFi UUM.
Status: Projek siap (13 September 2020).

(v) Menaiktaraf Sistem Pemantauan dan Keselamatan Infrastruktur IT.
Status: Projek siap (02 Mac 2020).

(vi) Pembangunan Sistem Pengurusan Klinik.
Status: Projek siap (08 Disember 2020).

(vii) Pembangunan Sistem Pengurusan Fasiliti Bersepadu.
Status: Proses pemasangan.
SST: 13 Disember 2019 | Jangka siap: 31 Dis. 2020

(viii) Perkakasan *Live Streaming* untuk Pengajaran dan Pembelajaran.
Status: Projek siap (03 Oktober 2019).

(ix) Penggantian Perkakasan Kawalan Pintu.
Status: Projek siap (06 Februari 2020).

(x) Pembangunan *Online Learning* untuk Pengajaran dan Pembelajaran.
Status: Proses tawaran kepada pembekal.
Tarikh sebut harga: 8 Nov. 2020 (Tutup: 18 Nov. 2020)
Jangka SST: 8 Dis. 2020 | Jangka siap: 31 Dis. 2020

(xi) Menaiktaraf Peralatan Pengurusan Bandwidth Internet
Status: Projek siap (30 November 2020).

(xii) Menaiktaraf Perkakasan Sistem Backup Data Pentadbiran dan Pengajaran Universiti.
Status: Projek siap (01 November 2020).

(xiii) Perolehan *Network Analytic*.
Status: Projek siap (30 November 2020).

9 RMKe-11 (RP4 2020): Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran

Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM4,000,000.00

Projek Penggantian dan Perolehan Peralatan Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan oleh UUM. Projek ini masih dalam perlaksanaan, kerja-kerja merekod dan menanggal peralatan sediada, pendawaian dan pemasangan di bilik-bilik kuliah. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 27 September 2020 dan tarikh jangka siap pada 20 November 2021. Peratus kemajuan semasa pada 19 Disember 2020 ialah 43% berbanding jadual 35% yang mana ianya lebih cepat dari jadual.

GAMBAR-GAMBAR DI TAPAK 15 NOV 2020

Projek Pembangunan Khas

Cadangan Membina dan Menyiapkan Kelab Golf UUM
Kos siling yang diluluskan adalah sebanyak RM5,000,000.00

Pada 5 Mei 2020, pasukan perunding telah dilantik untuk membina dan menyiapkan Kelab Golf UUM. Mesyuarat penyelarasan lukisan dan dokumen tender telah diadakan pada 18 November 2020. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada Februari 2021 dan di jangka siap pada Julai 2022.



PELAN TAPAK

PANDANGAN PERSPEKTIF 1

PANDANGAN PERSPEKTIF 2

Hal Ehwal Pelajar dan Keusahawanan

Kelab Patriot Chapter Perlis (KPCPS) UUM Sampaikan Sumbangan kepada Petugas sempena Tahun Baru Cina

Kelab Patriot Chapter Perlis (KPCPs) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyampaikan sumbangan kepada pasukan perkhidmatan St. John Ambulans Negeri Perlis (SJAM Ps) yang bertugas pada hari perayaan Sempena sambutan Tahun Baru Cina. Penyerahan empat kotak air minuman kepada Pengerusi Perkhidmatan Ambulans Perlis, Dr. Yusri Yahya. Sumbangan air mineral ini adalah bagi kegunaan petugas dan mereka yang dibantu ketika menggunakan jalan raya atau lebuh raya di Perlis. Beberapa ahli KPCPs turut bertugas dua hari sebelum dan selepas perayaan Tahun Baru Cina. Program ini memberi peluang kepada mahasiswa UUM yang berasal dari Perlis untuk turut berbakti kepada penduduk negeri kelahiran mereka.

Asasi Bina Jalinan Kemesraan di Jerlun

Seramai 204 Pelajar Asasi Pengurusan Kohort 6 turun padang mendekati masyarakat Kuala Jerlun di samping menyelami suasana kampung yang indah nan permai sekali gus membuktikan mereka mahasiswa mesra masyarakat. Program *Asasi–Kuala Jerlun Community Engagement Towards Community Development* berjaya menyemai semangat kerjasama sekali gus mengeratkan silaturahim antara pelajar dan komuniti. Antara program yang dilakukan ialah gotong-royong bersama penduduk, program motivasi yang melibatkan 100 pelajar Tingkatan 4 dan 5 di samping mempromosikan Program Asasi Pengurusan Pengurusan serta menyampaikan sumbangan pakaian *pre-loved* dan wang tunai hasil kutipan jualan amal *pre-loved.*

Orator UUM Sapu Bersih Kemenangan Pertandingan Debat Peringkat Antarabangsa

Tiga orator (pemidato) Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya menyapu bersih kemenangan pada *International Speech Contest 2020* yang diadakan di Princess of Naradhiwas University, Narathiwat selama tiga hari mulai 13 Februari 2020. Johan pertandingan ini telah dimenangi pelajar Sarjana Muda Undang-undang, Lim Sen Teng; diikuti tempat kedua oleh Parthiban Saravannan, pelajar Sains dan Ekonomi dan tempat ketiga dimenangi oleh Ayu Lyana Kamsahpihi, pelajar Sarjana Muda Falsafah, Undang-Undang dan Perniagaan. Ketiga mereka masing-masing membawa pulang wang tunai 1,000 THB; 800 THB dan 500 THB berserta sijil penghargaan. Dalam pertandingan itu, semua peserta telah dinilai berdasarkan isi dan kemahiran berbahasa menerusi dua pusingan pertandingan iaitu pusingan pertama yang mana sesi pidato berdasarkan teks disediakan peserta bertemakan *'Does online education play a crucial role in education system?'* dan pusingan kedua ialah sesi pidato secara spontan dengan soalan diajukan juri.

UUM Tersenarai Dalam Lapan Kategori Anugerah Tokoh Siswa (ATS) Kebangsaan 2019

UUM telah berjaya disenaraikan dalam lapan kategori Anugerah Tokoh Siswa (ATS) 2019 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Lapan kategori tersebut adalah daripada enam kategori individu iaitu Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar, Kepimpinan Wacana Intelek, Kepimpinan Sains, Teknologi Kejuruteraan Dan Matematik, Kepimpinan Sukarelawan (Alam Sekitar), Khas Kepimpinan Ibn Ummu Maktum dan Khas Kepimpinan Pelajar Antarabangsa, manakala dua lagi bagi kategori pasukan iaitu Badan Majlis Perwakilan Pelajar Terbaik dan Fakulti/Persatuan/Kelab Terbaik. ATS merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten. UUM merupakan universiti yang mempunyai calon teramai bagi setiap kategori yang disenaraikan. Sebanyak 510 pencalonan diterima dari seluruh universiti awam dan swasta di Malaysia bagi 18 kategori dipertandingkan. Anugerah ATS anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di IPT bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan dan pengucapan awam. Pemenang ATS akan diumumkan pada 4 April 2020 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Face Shield Untuk Petugas Barisan Hadapan

Tersentuh melihat pengorbanan petugas barisan hadapan dalam menangani penularan wabak Covid-19, pelajar UUM telah menghasilkan Prowins pelindung muka *(face shield)* untuk disumbangkan kepada *'frontliners'*. Kesukaran untuk mendapatkan bekalan *face shield* mendorong pelajar universiti ini untuk menghasilkan sendiri pelindung muka tersebut. Pelajar hanya mengambil masa selama 10 minit untuk menyiapkan satu *face shield* itu dengan teliti. Setiap hari, pelajar berusaha untuk menghasilkan 100 unit *face shield* ini bergantung kepada permintaan, seterusnya diedarkan kepada pelajar dan staf UUM termasuk hospital. Inisiatif ini telah mula dijalankan sejak 30 Mac 2020 dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Projek Prowins *face shield* itu melibatkan pelajar-pelajar dari INASIS Proton dan Tradewinds yang bersama-sama mencurah khidmat menghasilkan pelindung muka itu Usaha itu juga adalah selaras dengan saranan Menteri Pengajian Tinggi untuk menggalakkan pelajar melakukan aktiviti berfaedah sepanjang tempoh PKP ini.

Jahit 13,000 Meter Kain Non-Woven Jadi PPE Frontliners HSB

Berbekalkan 13,000 meter kain *non-woven*, Universiti Utara Malaysia (UUM) mensasarkan sebanyak 6,000 pakaian perlindungan diri (PPE) mampu dijahit untuk kegunaan harian petugas barisan hadapan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar. Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Prof. Dr. Razamin Ramli bersama pasukan pereka cipta UUM mendapat idea untuk melaksanakan projek khas untuk HSB kerana melihat pihak hospital masih lagi kekurangan jubah PPE. Projek PPE Gown itu turut mendapat kerjasama Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) dan Pusat Kokurikulum. Dengan sumbangan yang diberikan warga UUM akan memudahkan tugasan *'frontliners'* dalam memerangi penularan wabak Covid-19 ini.

100 Pelajar Derma Darah Dalam Tempoh 4 Jam

Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak menghalang pelajar univeriti ini untuk menjalankan tanggungjawab menderma darah pada *Red Charity 2.0* anjuran Inapan Siswa (INASIS) Petronas dengan mengambil langkah keselamatan seperti yang diarahkan kerajaan. Dalam tempoh empat jam sahaja seramai 100 pelajar telah tampil di Student Lounge INASIS Petronas untuk menderma darah bagi memenuhi tabung darah Hospital Tuanku Fauziah, Kangar. *Red Charity 2.0 'Your Concern May Safe A Life'* dianjurkan Exco Keselamatan dan Kesihatan JKPS INASIS Petronas.

Harumkan Nama UUM, Pelajar TISSA Peroleh Markah Tertinggi dalam SBR ACCA

Pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) telah mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila memenangi peperiksaan 'Strategic Business Reporting' (SBR), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) bagi bulan Mac 2020. Peperiksaan Strategic Business Reporting (SBR) memerlukan calon untuk menunjukkan kemampuan diri bagi membuat keputusan dalam laporan perniagaan strategik dengan menerapkan pengetahuan dalam senario kehidupan sebenar. Kemenangan Looi Pui Mun dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) itu adalah selepas dia memperoleh markah tertinggi di Malaysia bagi peperiksaan SBR ACCA tersebut. Looi Pui Moon merupakan Pengerusi ACCA Student Ambassador UUM dan menyertai ACCA Accelerate Program Student sejak tahun 2019.

ACCA

Paper SBR Winner

March 2020 session of examinations

The award for attaining the highest mark in Malaysia in the Paper Strategic Business Reporting of the ACCA examinations goes to

Miss Looi Pui Mun

Edward Ling
Head
ACCA Malaysia

Association of Chartered Certified Accountants

Think Ahead



Pelajar TISSA Bolot Hadiah Wang Tunai RM1,000

Pelajar tahun dua, Muhammad Ariff Haidar telah menyertai Mahasiswa Ohsem: Pertandingan Dasar dan Polisi Kepada Kerajaan. Pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) itu mempertaruhkan kertas kerja bertajuk 'Polisi Pemerkasaan Ekonomi & Industri Kecil dan Sederhana Pasca Covid-19' hingga melayakkan dia mendapat tempat pertama, seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000. Beliau memilih tajuk ini setelah melihat kesungguhan usahawan IKS terutama rakan-rakan ibu yang berusaha mempertahankan perniagaan mereka sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020 ekoran Covid-19. Dalam pertandingan itu, setiap peserta termasuk Muhammad Ariff dikehendaki menyediakan kertas kerja dan juga rakaman video berkaitan tajuk.

Sahut Cabaran Bina Potensi dengan Axiata

Pelajar Sarjana Muda Kewangan, Muhammad Saniy Samsudin menyahut cabaran membina potensi diri apabila dipilih menyertai Axiata Foundation University Leadership Development Programme (ULDP) 2020. ULDP merupakan program pengembangan kepemimpinan untuk pelajar Malaysia yang belajar di dalam atau luar negara dengan memberi peluang untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan kritikal yang diperlukan. Berikutan penularan pandemik Covid-19, program yang bermula dari 13 hingga 24 Julai itu dijalankan secara atas talian (online).

UUM Rangkul Naib Johan dan Ketiga Pertandingan Pengucapan Awam (Mandarin) 2020

Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya merangkul tempat kedua dan ketiga dalam *'UUM Public Speaking Tournament 2020'* (Mandarin) yang diadakan melalui aplikasi Zoom dan Facebook Live. Pee Yee Jean dan Lim Jing Jie yang masing-masing merupakan pelajar dari Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) telah dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua dan ketiga dalam pertandingan tersebut, manakala johan pertandingan disandang oleh Shelyn Poh dari Taylor's University. Pertandingan peringkat kebangsaan yang bertemakan *'Speakuencer: An Ancient Vow'* itu merupakan kali ketiga dianjurkan dan buat julung kalinya diadakan secara dalam talian dengan disertai 28 peserta dari tujuh buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta. *'UUM Public Speaking Tournament 2020'* merupakan Pertandingan Pengucapan Awam Bahasa Mandarin Maya yang pertama anjuran UUM menerusi Kelab Pengucapan Awam dengan kerjasama Unit Debat Advokasi dan Oratori (UDAO), Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Pertandingan itu telah diadili oleh juri selebriti dari saluran televisyen Bahasa Mandarin

Siswa Sumbang 650 Pelitup Muka

Menyedari pandemik Covid-19 masih belum berakhir dan bagi meningkatkan kesedaran penjagaan keselamatan diri, Kelab Chapter Perlis Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelajar program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) UUM telah menyumbang 650 pelitup muka (face mask) kepada murid Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Perlis pada 11 September 2020 yang lalu. Pemilihan sekolah ini dibuat memandangkan kebanyakan muridnya adalah dari golongan B40. Dengan penyerahan sumbangan pelitup muka ini diharap murid-murid di sini akan mendapat pengetahuan tentang kepentingan untuk memakai pelitup muka dan bagaimana untuk mencegah dari dijangkiti wabak ini.

UUM Jadi ILC Zon Utara

Seramai 63 pelajar orang kelainan upaya (OKU) UUM telah menarik perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam menjadikan universiti ini sebagai Independent Living Centre (ILC) Zon Utara. JHEP telah bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Mahasiswa Istimewa (PERMAI) yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar OKU dalam mewujudkan ILC bagi memberikan faedah kepada komuniti OKU setempat di zon utara meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak. ILC ini juga diberi peruntukan sebanyak RM360,000 setahun dan paling istimewanya UUM merupakan universiti pertama yang memiliki Independent Living Centre (ILC).

53 Pelajar Kelas Pertama Diiktiraf Sebagai Ahli Kehormat BGS Chapter UUM 2020

Seramai 53 pelajar kelas pertama telah diiktiraf sebagai Ahli Kehormat Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter Universiti Utara Malaysia (UUM) pada Majlis Induksi Beta Gamma Sigma Chapter UUM 2020 di EDC Hotels and Resorts, baru-baru ini. Perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr Hendrik Lamsali yang juga Presiden BGS Chapter UUM. Ahli-ahli kehormat BGS dipilih berdasarkan keputusan peperiksaan yang cemerlang serta penglibatan aktif dalam aktiviti ko-kurikulum. Pada majlis itu mereka telah menerima sijil serta pin sebagai simbolik keahlian dalam pengiktirafan peringkat antarabangsa itu. Majlis induksi BGS kohort keempat itu turut disertai secara virtual melalui platform Webex oleh Ahli-ahli Kehormat BGS yang tidak dapat hadir.

Bengkel Interaktif Seni Gilap Bakat Pelajar Asasi

Seramai 109 pelajar asasi Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengikuti Bengkel Interaksi Seni anjuran Pusat Budaya dan Seni UUM selama dua hari yang berlangsung pada bulan oktober yang lalu. Bengkel seni ini bertujuan untuk mengilap bakat di samping menerapkan budaya aktiviti kesenian mengikut prosedur operasi standard (SOP). Sepanjang bengkel itu, pelajar difokuskan kepada tujuh bahagian iaitu pengurusan majlis, teater, muzik, nyanyian, pengacara majlis, sastera dan tarian. Pelajar dibimbing oleh tenaga pengajar dan fasilitator dalam kumpulan kecil tidak melebihi sepuluh orang supaya mereka lebih memahami tentang bidang seni yang mereka ambil di samping menepati proses SOP pengendalian aktiviti secara fizikal.

Peroleh Markah Ketiga Tertinggi Peperiksaan SBL, ACCA, Pelajar Tissa Harumkan Nama UUM

Pada bulan September, sekali lagi Looi Pui Mun, Pelajar Semester 7, Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) disenaraikan di tempat ketiga memperolehi markah tertinggi di Malaysia untuk kertas *Strategic Business Leader* (SBL) bagi bulan September.

Usaha Berterusan Hingga Bergelar Johan Pertandingan Pidato Zakat Kedah Online 2020 Peringkat Kebangsaan

Kesungguhan dan minat dalam dunia pidato sejak di bangku sekolah lagi telah melayakkan pelajar Semester 5, Mohammad Daniel Mohammad Ismail untuk merangkul gelaran juara dalam Pertandingan Pidato Zakat Kedah Online 2020 Peringkat Kebangsaan, baru-baru ini. Pertandingan ini dianjurkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan dijalankan secara maya.

GPMS Cawangan Khas UUM Terima Anugerah Khas Presiden

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Cawangan Khas UUM telah menerima Anugerah Khas Presiden Kategori Cawangan Khas sempena Persidangan Agung Tahunan GPMS Kali Ke-66, baru-baru ini. Anugerah tersebut telah disampaikan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal yang mewakili Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican kepada bekas Yang DiPertua GPMS Cawangan Khas UUM sesi 2019/2020, Wan Muhammad Faizat Wan Mohd Sanusi. GPMS Cawangan Khas UUM membawa pulang sijil penghargaan dan replika cek bernilai RM1,000.

Legasi 21 Platform Perniagaan Pelajar

Bagi mewujudkan platform perniagaan dalam kalangan pelajar, Legasi 2U2I telah dilancarkan melalui Webex dan Facebook Live Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM). Program ini bertujuan untuk membantu pelajar dalam mewujudkan platform perniagaan sendiri dan memenuhi kehendak kurikulum BENT 2U2I itu sendiri. Dalam inkubator 3 ini, pelajar dikehendaki melahirkan idea produk dan perniagaan yang berdaya maju, mempunyai nilai komersial yang tinggi, pendaftaran perniagaan serta penghasilan prototaip produk serta servis yang diperlukan. Program anjuran pelajar BENT 2U2I dan Pusat Pengajian Pengurusan perniagaan (SBM) mendapat kerjasama mentor industri iaitu Aja Dnora dari TRR; Ramle Leen dari SSM, Nina Rahim dari Ainaa Beauty dan Myfundaction. Pelancaran Produk Legasi 2U2I secara maya telah dirasmikan Prof. Dr. Salniza dan diakhiri dengan pembentangan perniagaan dan promosi daripada 15 pelajar BENT 2U2I. Menurutnya, program Ijazah Sarjana Muda Kepujian keusahawanan itu dijalankan selama 2 tahun dalam universiti dan 2 tahun di industri yang dinamakan BENT 2U2I. Pengambilan pertama pelajar program tersebut telah bermula pada Februari 2020.

Dua Pelajar Perakaunan UUM Terima Anugerah ICAEW

Badan akauntan profesional, The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) telah menganugerahkan ICAEW Advantage Award kepada dua pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA). Kejayaan ini melayakkan pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Muhammad Rafi Abdul Razak dan Nurul Azyyati Amalin Razali masing-masing menerima wang tunai sebanyak RM1,000 dan sijil.



Pelajar Undang-Undang Johan The 17th International Humanitarian Law Moot Court Competition 2020 National Rounds



Empat pelajar dari Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) telah mengharumkan nama UUM apabila dinobatkan sebagai johan The 17th International Humanitarian Law Moot Court Competition 2020 National Rounds. Pelajar tersebut terdiri Ashwaty Ashley, Lau Jeng Chee, Divyaanjali Loganathan dan Dayana Batrisya Mohamed Nasir yang menyertai pertandingan secara atas talian itu mendapat bimbingan alumni Undang-undang, Joshua Teh Honguan. Kemenangan ini, cukup manis bagi UUM kerana Pasukan Mut itu telah menjuarai pertandingan tersebut buat kali kedua berturut-turut dan akan mewakili Malaysia ke peringkat Asia Pasifik pada 2021. Selain itu, UUM juga telah merangkul Best Mooter Award yang disandang oleh Ashwaty Ashley. Sebagai menghargai kejayaan Pasukan Mut UUM, Pusat Pengajian Undang-undang telah meraikan pasukan dengan mengadakan Majlis Penghargaan Kejayaan: The 17th International Humanitarian Law Moot Court Competition 2020 National Round secara dalam talian. Tempat kedua telah dimenangi pasukan dari Universiti Malaya. Sebanyak 10 universiti menyertai pertandingan ini yang dihoskan oleh Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa (ICRC) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

UUM Rangkul Enam Anugerah Seni Makum

Pusat Budaya dan Seni (PBS) UUM berjaya merangkul enam anugerah yang dipertandingkan sempena Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2019 yang berlangsung secara atas talian, 30 Disember 2020. Antara anugerah yang dimenangi adalah Anugerah Bonang Emas (EMAS) Kategori Lelaki MAKUM disandang oleh Muhammad Idhil Hashim dan Anugerah Bonang Emas (EMAS) bagi Wanita MAKUM dimenangi oleh Nor Asmaralda Mohd Asmario. Anugerah Bonang Emas dianugerahkan kepada mahasiswa yang bergiat aktif dalam kegiatan kebudayaan dan kesenian yang memberi impak tinggi kepada organisasi dan masyarakat. Selain itu, UUM juga berjaya merangkul Anugerah Gong Kencana Perak MAKUM. Anugerah ini diberikan kepada pusat tanggungjawab yang paling aktif dalam pembangunan mahasiswa dalam bidang seni dan budaya.

Asasi UUM Raih 4 Pingat Gangsa Kejohanan SAM Ke-3

Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Pusat Asasi Pengurusan berjaya merangkul empat pingat gangsa pada Kejohanan Sukan Asasi Malaysia (SAM) Kali Ke-3 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), yang berlangsung selama tiga hari mulai 17 Januari 2020. UUM yang diwakili 31 pelajar Program Asasi Pengurusan telah meraih pingat gangsa menerusi acara futsal kategori lelaki dan wanita, sepak takraw dan karom berpasukan, sekali gus meletakkan UUM di tangga ke-9 daripada 13 pusat prauniversiti yang bertanding.

Pencak Silat Sumbang Emas di MASUM Fasa Satu

Silat tempur yang diwakili atlet UUM telah berjaya meraih pingat emas pada Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Pelajar Sarjana Muda Perbankan, Muhammad Faqih Che Lah berjaya memikat juri apabila mengungguli silat tempur dalam Kategori Putra H, sekali gus mengatasi Universiti Malaysia Pahang dengan mata 5-0. Terdahulu, di peringkat suku akhir, Muhammad Faqih menewaskan pesilat dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan mata 5-0, diikuti peringkat separuh akhir bertemu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan mata 3-2.

Lebih 5000 Layari Borak Kopitiam Bersama Raja Libasan Negara

Kemunculan Raja Libasan Negara, Azlan Mubin telah mencuri perhatian lebih 5,000 penonton untuk melayari Facebook (FB) Live Borak Kopitiam Bekas Atlet Negara Bersama Raja Libasan Malaysia. Azlan yang kini merupakan pengacara dan pengulas sukan Astro Arena ketika bersiaran langsung melalui FB MALTEN berharap pelajar UUM dapat mengutamakan bidang akademik terlebih dahulu kerana ia adalah lambang identiti diri. Program ini dikendalikan oleh Felo INASIS MALTEN, Muhammad Noor Fitri Ahmad yang bertindak sebagai moderator. Ketika bersoal jawab dengan penonton Azlan menasihatkan pelajar supaya mengesan bakat mereka sejak awal dan sentiasa menjalinkan hubungan yang baik antara rakan, pensyarah serta masyarakat.

Pesilat UUM Harumkan Nama Negara

Siti Shazwana Ajak, pelajar Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, telah mengharumkan nama negara apabila memenangi pingat Emas dalam Sultan's Open Championship 2020 di Uzbekistan pada Februari 2020. Shazwana, pesilat elit negara, juga merupakan penerima biasiswa Yang Berhormat Menteri Pendidikan dari Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 1 September 2020.

CEDI Teroka Potensi Inkubator Perniagaan Pelajar

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) UUM melalui Unit Business Start-Up (BSU) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Program Inkubator Pelajar untuk membangunkan ekosistem dan rangka kerja bagi membangunkan Inkubator perniagaan yang memanfaatkan inovasi atau teknologi pertama di UUM. Bengkel yang disertai 14 peserta yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah pelbagai bidang bertujuan membantu pelajar yang inovatif dan kreatif untuk mengembangkan idea sehingga mampu menghasilkan produk yang bersifat *'opportunistic'* berbanding dengan 'necessity' atau produk keperluan asas. Tujuan pelaksanaan Program Inkubator Pelajar ini adalah untuk membentuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar sekali gus memupuk minat mereka agar menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Selain itu juga program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan perniagaan mereka selari dengan kehendak yang ditetapkan oleh KPT iaitu 15 peratus pelajar harus berniaga semasa dalam tempoh pengajian dan enam peratus daripada mereka pelajar harus memulai perniagaan dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian.

CEDI Melahirkan Fasilitator Keusahawanan Melalui Program Business Facilitator Training Program (BFTP)



Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) melalui Bahagian *Business Start–Up* (BSU) dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menganjurkan *Business Facilitator Training Program* (BFTP) melalui platform "Classroom Google Meet" . Program ini bertujuan untuk melatih fasilitator keusahawanan di bawah kendalian CEDI melalui INSKEN. Pengarah Eksekutif CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, "Dalam keadaan pandemik Covid-19 ini, CEDI telah mengambil langkah dengan mengendalikan kursus bimbingan keusahawanan secara atas talian yang dihadiri oleh 52 peserta yang terdiri daripada staf pentadbiran dan akademik UUM".

Beliau berhasrat, UUM melalui CEDI dapat melahirkan lebih ramai fasilitator keusahawanan supaya dapat memberi bimbingan penuh kepada pelajar yang sedang menjalankan perniagaan di dalam kampus. Beliau juga mengharapkan agar bimbingan yang diberikan oleh tenaga pakar INSKEN dapat memberikan keberhasilan untuk membantu usahawan terutamanya dalam kalangan pelajar UUM bagi menetapkan kriteria perancangan dan strategi berniaga.

Gambar hiasan

#whenyouthspeaks: Educating The Younger Generation Perkasakan Jati Diri Belia



Belia merupakan tunjang kepada pembangunan negara yang akan menjadi penentu masa depan negara. Dalam meniti era yang mencabar, belia harus dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran terutamanya ketika dunia sedang menghadapi pasca pandemik Covid-19 agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan cabaran mendatang. Sehubungan itu, Unit ENACTUS, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan sesi perkongsian secara online bertajuk *'Educating The Younger Generation'* yang merupakan Webinar kedua dalam siri *#whenyouthspeaks*.

Webinar ini menampilkan barisan panel berkaliber untuk membincangkan tentang pendidikan dan perkembangan belia iaitu Pengasas AI Talent-PDC merangkap Pengarah Pembangunan Perniagaan, Teh Wuan Xin dan Pembantu Profesor di School of Electronic & Computer Science, University of Southampton, Malaysia Campus, Dr. Ivan Ling, manakala moderator sesi ialah Ung Geok P'ng, ahli ENACTUS.

Pada sesi tersebut, dua panel tersebut membincangkan topik berkaitan kemahiran yang perlu ada pada belia dalam menghadapi cabaran pasca Covid-19. Panel pertama, Teh Wuan Xin telah berkongsi tentang projek beliau iaitu AI Talent-PDC yang menawarkan kepada masyarakat kemampuan menyesuaikan diri dan fleksibiliti, kecekapan teknologi, kreatif dan inovasi, literasi data, pemikiran kritikal, kemahiran digital dan pengekodan, kepimpinan dan kecerdasan emosi kepada kanak-kanak berumur dari 7 hingga 17 tahun melalui *job-experiencing*.

Manakala panel kedua iaitu Dr. Ivan turut berkongsi mengenai projek Kappa yang telah dilancarkan pada tahun lepas yang mana projek itu mempunyai matlamat besar untul mendidik generasi muda dengan membina sensor yang mampu mengesan perubahan negatif di persekitaran. Kit pendidikan turut tersedia dalam projek ini untuk memupuk pemahaman generasi muda tentang kesan negatif pencemaran alam sekitar melalui aplikasi interaktif projek tersebut.

Melalui Webinar ini, penonton mengetahui mengenai ciri-ciri yang perlu untuk berjaya dan cara generasi terkini boleh membawa perbezaan kepada dunia. Moderator, Ung Geok P'ng turut memberi pengisian mengenai satu projek ENACTUS UUM iaitu *Volunteering for Education* (VE) dalam webinar tersebut, di samping meminta pendapat dan pandangan untuk penambahbaikan pada masa hadapan daripada barisan panel. Webinar yang bersiaran secara langsung di laman Facebook rasmi ENACTUS UUM telah mendapat sambutan hangat dengan 2,000 tontonan.

iBGraphy Studio Milik Pelajar UUM Rangkul Tempat Ke-2 1Minute Marketing Video Challenge

Minat dalam bidang industri kreatif dan fotografi telah mendorong pelajar Teknologi Media, Muhamad Nabil Mohd Kharil@Hamzah menyertai Pertandingan 1Minute Marketing Video Challenge yang akhirnya membuahkan hasil apabila mendapat tempat kedua dalam pertandingan itu. Menurutnya, dia menyertai pertandingan anjuran Pusat Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan itu kerana ingin mendapatkan pengalaman dan mengasah bakat yang dimiliki selain memperkenalkan perniagaan yang diusahakan dalam bentuk video selama satu minit.

"Saya yakin mampu menghasilkan karya tersendiri yang lebih hebat, jadi menerusi iBGraphy Studio yang dibangunkan bersama rakan kongsi, Intan Nurfatin Najihah, saya dapat mencurahkan hasil karya tersendiri.

"iBGraphy Studio merupakan syarikat produksi kreatif yang pakar dalam fotografi dan videografi perkahwinan. Selain majlis perkahwinan, hasil kreatif produksi ini juga meliputi foto dan video pengiklanan, dokumentari, acara sukan dan keramaian, serta majlis-majlis yang lain,"katanya yang membawa pulang hadiah bernilai RM300.

Kata Muhammad Nabil, dia bersyukur dengan kemenangan itu dan tidak sangka akan berada di dalam senarai 10 teratas daripada 46 peserta dari seluruh IPTA di Malaysia. Tahniah Nabil dan Intan! Semoga iBGraphy Studio terus maju di masa hadapan dan dapat menjadi usahawan contoh kepada pelajar lain menceburi bidang keusahawanan.

Empat Staf UUM Dilantik sebagai AJK Kerja Pembangunan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT

Pelantikan empat staf Institut Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) Kerja Pembangunan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah satu pengiktirafan kepada UUM. Mereka yang dilantik ialah Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam; Timbalan Pengarah Bahagian Business Start-Up, Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad; Timbalan Pengarah Latihan, Perundingan dan Siswaniaga, Dr. Saiful Azizi Ismail dan Penolong Pengarah, Faridah Awang.

Dr. Chandrakantan turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Khas Mengkaji Semula Kurikulum dan Program Keusahawanan Universiti Awam.

Pelajar Perlu Rebut Peluang Pasaran Perniagaan Di Kampus

Seramai 354 pelajar baharu Semester Kedua Sesi 2019/2020 telah mendapat manfaat tentang ilmu keusahawanan pada sesi taklimat bersama Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) di INASIS TM, baru-baru ini. Dalam taklimat itu, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, visi CEDI sebagai pusat keusahawanan adalah untuk memberi sokongan kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan di dalam kampus.

Menurutnya, pasaran di dalam kampus adalah dalam anggaran 20,000 termasuk pelajar, pensyarah, kakitangan UUM dan anak syarikat yang menjadikan jumlah pasarannya yang begitu luas untuk diteroka dan direbut pelajar. Katanya, pelbagai tempat perniagaan juga telah disediakan daripada berpremis sehingga perniagaan tanpa premis.

"Perniagaan berpremis memerlukan pelajar menyewa premis yang disediakan di UUM, manakala tanpa premis iaitu tapak perniagaan sementara terdapat di DKG 1 hingga DKG 6 termasuk di perpustakaan.

"Bagi pelajar yang ingin menjalankan perniagaan di kampus, mereka perlu memohon Lesen A bagi berpremis dan Lesen B bagi perniagaan tidak berpremis, manakala bagi Lesen B pelajar hanya perlu membayar RM5 bagi tempoh setahun," katanya.

Beliau berkata, CEDI juga menyediakan kemudahan pinjaman perniagaan kepada pelajar dari semester dua hingga empat yang berkelayakan sahaja untuk memulakan perniagaan. Selain itu, menurutnya, CEDI berperanan dalam menyediakan pelbagai latihan keusahawanan yang mendapat pembiayaan dana dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada pelajar yang berminat.

"Pada masa ini terdapat empat program keusahawanan yang telah mendapat pembiayaan dana dari KPM iaitu *Future Learning Education Development* (FULED), *MyAgrosis*, Asnaf dan *Utara Creativeprenuer Incubator* (UCI) yang mana penyertaan pelajar untuk program-program ini adalah terhad kepada 20 hingga 25 orang sahaja bagi setiap program.

"Saya juga ingin menyarankan agar pelajar dapat menyertai program keusahawanan sosial dengan menyertai Kelab ENACTUS dalam membantu masyarakat yang memerlukan di luar sana," katanya.

Pada sesi itu, beliau turut mengalukan pelajar baharu untuk menjalankan perniagaan di lot kafetaria pelajar yang disediakan di setiap kafetaria INASIS.

Laporan Audit Dalam

LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam, Universiti Utara Malaysia (UAD UUM) telah ditubuhkan pada 16 Julai 1987. Unit Audit Dalam bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor secara pentadbiran dan kepada Jawatankuasa Audit secara fungsional. Peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam serta Jawatankuasa Audit diperjelaskan dalam surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 21 Julai 1998 bertajuk " Garis Panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan.

JAWATANKUASA AUDIT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Jawatankuasa Audit UUM (JKA UUM) bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Pengerusi
Yang Berbahagia Dato' Muzammil Bin Mohamad

Ahli Lembaga
Yang Berusaha Encik Shah Hakim @ Shahzanim Zain
(tamat kontrak sebagai ahli LPU pada 20 Jun 2020)

Yang Berbahagia Dato' Wan Shaharuddin Bin Wan Mahmood

Yang Berusaha Encik Khairul Azwan Bin Harun

Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd Zaini Abdul Karim

Yang Berusaha Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim

Setiausaha
Cik Mustainah Binti Alwi

JKA UUM telah bersidang sebanyak empat (4) kali pada tahun 2020. Antara perkara yang dibincangkan adalah Rancangan Audit Tahunan, Laporan Audit UAD, Laporan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan UUM. Ketua PTJ yang terlibat dengan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Prestasi akan memberikan penjelasan semasa mesyuarat mengenai tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan berkaitan isu Audit yang dibangkit. Tarikh pelaksanaan Mesyuarat adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-54 Bil. 1 Tahun 2020 pada 4 Februari 2020.
2. Mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit UUM Ke-55 Bil. 2 Tahun 2020 pada 15 April 2020.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-56 Bil. 3 Tahun 2020 pada 11 November 2020.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM Ke-57 Bil. 4 Tahun 2020 pada 16 Disember 2020.

RANCANGAN AUDIT TAHUN 2020

Perancangan dan pelaksanaan pengauditan UAD UUM tahun 2020 adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 yang menetapkan bahawa Unit Audit Dalam perlu mengemukakan jadual kerja pengauditan tahunan kepada Jawatankuasa Audit dan Naib Canselor untuk kelulusan. Rancangan Audit Tahun 2020 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ke-54 Bil. 1 Tahun 2020 pada 4 Februari 2020 yang merangkumi tiga (3) pengauditan seperti berikut:

(a) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Jabatan/PTJ)
(b) Pengauditan Prestasi Program/Aktiviti
(c) Pemeriksaan Mengejut

PENCAPAIAN UNIT AUDIT DALAM TAHUN 2020

(I) PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan membantu pihak pengurusan mengenalpasti kawalan dalaman yang perlu ada dan berfungsi seperti yang ditetapkan bagi mengelak kehilangan dan pembaziran wang awam. Sebanyak 6 Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah dipilih untuk dilaksanakan Pengauditan Kewangan pada tahun 2020 yang meliputi enam (6) aspek kawalan utama, iaitu Pengurusan Organisasi, Pengurusan Bajet, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Berdasarkan markah keseluruhan yang diperolehi oleh 5 PTJ yang dinilai dalam tahun 2020, sebanyak 1 PTJ memperoleh 4 bintang berada pada tahap baik dan 4 PTJ memperoleh 3 bintang pada tahap memuaskan. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah diambil oleh PTJ berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh UAD manakala isu material yang dibangkitkan melalui Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit UUM.

(i) Othman Yeop Abdullah Graduate School and Business (OYAGSB)
(ii) Pusat Asasi Pengurusan
(iii) Jabatan Canselori
(iv) Universiti Utara Malaysia Kuala Lumpur
(v) Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)
(vi) Taman Siswa (di bawah PTJ SAC) – tiada Pengauditan Kendiri

(II) PENGAUDITAN PRESTASI

Kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber bagi sesuatu program/aktiviti boleh dinilai secara komprehensif dengan melaksanakan Pengauditan Prestasi terhadap program/aktiviti tersebut disamping dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi serta mencadangkan syor penambahbaikan yang sesuai melalui pengauditan yang dijalankan. Sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi berkaitan Pengurusan CCTV dan Pengauditan Pengurusan Program Kerjasama Bestari (CEDI) telah dilaksanakan oleh UAD pada tahun 2020. Penemuan serta syor bagi Pengauditan Prestasi tersebut telah dikemukakan kepada PTJ terlibat untuk makluman dan tindakan penambahbaikan.

(III) PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pemeriksaan mengejut adalah satu pendekatan audit yang meliputi pemeriksaan yang dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada auditi. Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menentukan sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga dibawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat. Pemeriksaan mengejut telah dijalankan bagi tahun 2020 telah dijalankan terhadap PTJ berikut:

(i) Pusat Pengajian Undang-Undang (SOL)
(ii) Pusat Alumni
(iii) Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS)
(iv) Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM)

(V) KHIDMAT NASIHAT YANG DIJALANKAN OLEH UNIT AUDIT DALAM

Di samping melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pengauditan Prestasi di UUM, UAD UUM juga turut memberikan khidmat nasihat kepada staf UUM berhubung pematuhan terhadap peraturan UUM. Khidmat nasihat yang diberikan melalui ceramah, perbincangan dan panduan melaksanakan tugas dapat meningkatkan pemahaman staf berhubung peranan dan tanggungjawab mereka kearah peningkatan prestasi pengurusan kewangan UUM. Impak kepada pengauditan yang dijalankan oleh UAD UUM adalah peningkatan akauntabiliti dan tahap pematuhan oleh staf UUM kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa melalui program pengauditan yang berkesan.

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Laporan Kewangan

KUMPULAN WANG MENGURUS

Peruntukan belanja mengurus yang diluluskan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM389.7 juta, meningkat RM1.4 juta (0.4%) berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak RM388.3 juta.

Peruntukan ini dibiayai oleh geran kerajaan sebanyak RM295.4 juta (76%) manakala RM94.3 juta (24%) adalah daripada sumber dalaman Universiti, iaitu hasil tahunan dan rizab terkumpul.

Perbelanjaan sebenar berbanding dengan peruntukan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Butiran	Peruntukan		Perbelanjaan		
	RM'Juta	%	RM'Juta	% dari Jumlah Peruntukan	% dari Item Peruntukan
Emolumen	251.6	64.6	243.7	62.5	96.9
Perkhidmatan dan Bekalan	123.1	31.6	98.0	25.1	79.6
Pemilikan Harta Modal	0.4	0.1	0.4	0.1	100
Pemberian dan Bayaran Tetap	8.5	2.1	4.5	1.2	52.9
Bayaran-bayaran Lain	6.1	1.6	6.1	1.6	100
Jumlah	**389.7**	**100.0**	**352.7**	**90.5**	**90.5**

Sebanyak RM352.7 juta (90.8%) telah dibelanjakan bagi tahun 2020. Ini meliputi emolumen (62.5%), perkhidmatan dan bekalan (25.1%), pemilikan harta modal (0.1%), pemberian dan bayaran tetap (1.2%) dan untuk bayaran-bayaran lain (1.6%).

KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Projek Di Bawah sambungan RMK-10 dan RMK-11

Universiti menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM25.0 juta untuk membiayai pembangunan projek bagi tahun 2020. Ini menjadikan penyaluran peruntukan terkumpul sehingga 31 Disember 2020 untuk projek dalam pembinaan ialah sebanyak RM99.81 juta.

Senarai projek dalam pembinaan untuk RMK-10 sambungan dan RMK-11 adalah seperti berikut:

PROJEK	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31/12/2020 (RM Juta)	% Perbelanjaan Dari Peruntukan Diterima
PROJEK RMK-10 SAMBUNGAN				
Pembinaan Dewan Serbaguna Di Dewan Penginapan Pelajar	7.5	7.5	0.93	12
Pembinaan Pusat Kegiatan Ko-Kurikulum	8.0	8.0	3.0	37.5
JUMLAH RMK-10 SAMBUNGAN	**15.5**	**15.5**	**3.93**	**25.4**
PROJEK RMK-11				
Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM COLGIS	41.5	37.5	20.5	54.7
Menaiktaraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal serta ICT Dwn Kuliah Gugusan 1,2 dan 3	21.8	10.8	0.0	0.0
Tambahan Bangunan UUM IT	1.8	13.5	2.5	18.5
Pembinaan Pencawang Pembahagi Utama 11KV	6.0	6.0	0.6	10.0
Kerja-kerja Menaiktaraf Permukaan Jalan di Dalam Kampus	7.0	7.0	5.2	74.3
Menaiktaraf Infrastruktur dan Infostruktur Teknologi Maklumat	8.5	8.5	6.6	77.6
Perolehan Dan Penggantian Peralatan Pembelajaran	1.0	1.0	0.9	90.0
Pembinaan Club Golf	5.0	0.01	0.01	100
JUMLAH RMK11	**92.6**	**84.31**	**36.31**	**43.1**
JUMLAH KESELURUHAN	**108.1**	**99.81**	**40.24**	**40.3**

Projek Penyelidikan

UUM menerima peruntukan sebanyak RM5.3 juta daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membiayai projek penyelidikan peringkat nasional bagi tahun 2020.

Prestasi peruntukan diluluskan dan diterima serta perbelanjaan terkumpul bagi projek-projek penyelidikan sehingga tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	Jenis Penyelidikan	Peruntukan Dilulus dan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
1.	IRPA	2,892,448	1,694,291	1,198,157
2.	FRGS	39,656,556	20,992,058	18,664,498
3.	ERGS	2,123,567	1,267,120	856,446
4.	LRGS	5,211,486	4,051,342	1,160,144
5.	NRGS	2,999,990	2,257,042	742,948
6.	PRGS	654,210	428,187	226,023
7.	TRGS	2,514,052	1,716,322	797,730
8.	RACE	1,045,020	775,862	269,158
9.	RAGS	3,676,489	2,598,235	1,078,255
10.	KTP	2,164,434	1,726,899	437,535
JUMLAH		**62,938,252**	**37,507,358**	**25,430,894**

KUMPULAN WANG PENDAPATAN

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM18.2 juta, meningkat RM8.9 juta berbanding tahun 2019, iaitu sebanyak RM9.3 juta.

Butiran pendapatan terperinci tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2019 adalah seperti berikut:

BUTIRAN	2020		2019		PENINGKATAN/ (PENGURANGAN) (RM Juta)
	(RM Juta)	%	(RM Juta)	%	
Dividen dan faedah	7.4	41	9.3	100	(1.9)
Agihan hasil projek komersial	10.8	59	0	0	10.8
JUMLAH	**18.2**	**100**	**9.3**	**100.0**	**8.9**

KUMPULAN WANG AMANAH

Pelaporan bagi akaun-akaun di bawah kumpulan wang ini terbahagi kepada dua kategori iaitu liabiliti dan ekuiti.

Bagi kategori liabiliti, akaun amanah tersebut perlu mempunyai arahan amanah yang lengkap dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

Selain daripada itu, akaun amanah akan dikategorikan sebagai ekuiti. Akaun amanah di bawah ekuiti mempunyai tujuan yang telah dikhaskan dan bersifat juga komersial.

Akaun Amanah bersifat Liabiliti

Kedudukan akaun amanah yang dikategorikan sebagai liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan UUM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	BAKI PADA 1.1.2020 (RM)	PEGERAKAN DALAM TAHUN (RM)	BAKI PADA 31.12.2020 (RM)
1	TPP Sime Bank	48,852	-	48,852
2	TPP Yayasan Melaka	10,000	-	10,000
3	TPP kerajaan Negeri Sarawak	7,820	-	7,820
4	TPP Yayasan Pahang	8,500	-	8,500
5	TPP kerajaan Negeri Selangor	8,200	-	8,200
6	TPP Negeri Kedah	18,400	-	18,400
7	TPP Universiti Utara Malaysia	2,008,515	-	2,008,515
8	TPP Yayasan Kelantan	20,000	-	20,000
9	TPP MAIWP	100,000	-	100,000
10	TPP Yayasan Felda	10,000	-	10,000
11	Tabung Biasiswa Raja/YDP	8,700	-	8,700
12	Pendahuluan Penaja MARA	1,550	-	1,550
13	Tabung Pendahuluan/Aktiviti Pelajar	4,653,019	-	4,653,019
14	Tabung Biasiswa Nikko sec. Co. Ltd	250,000	-	250,000
15	T. Pusingan Usahawan Siswa Kpu	20,000	-	20,000
16	Tabung wang Aktiviti Pelajar	93,488	-	93,488
18	Tabung Kursi KLSE	1,650,000	-	1,650,000
19	TPP Yayasan N.Sembilan	50,000	-	50,000
20	Tabung Kursi CIMB	4,702,847	-	4,702,847
	JUMLAH	**13,669,890**	**-**	**13,669,890**

Secara keseluruhan, akaun amanah di bawah kategori liabiliti adalah kekal sama pada tahun 2020 seperti tahun 2019.

Akaun Amanah bersifat Ekuiti

Kedudukan akaun amanah yang dikategorikan sebagai ekuiti di dalam penyata kedudukan kewangan UUM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut :

BIL	BUTIRAN	BAKI PADA 1.1.2020 (RM)	PEGERAKAN DALAM TAHUN (RM)	BAKI PADA 31.12.2020 (RM)
1	Kegiatan Kebajikan	7,653,806	2,784,638	10,438,444
2	Kegiatan Sukan	660,272	80,836	741,108
3	Kegiatan Sosial	20,566,624	63,256	20,629,880
4	Kegiatan Kebudayaan	16,646	90,922	107,568
5	Kegiatan Agama	156,108	74,074	230,181
6	Kursus & Bengkel	1,881,417	909,273	2,790,691
7	Seminar	4,791,783	(2,645,753)	2,146,030
8	Penyelidikan Dan Pembangunan	7,204,916	(1,698,626)	5,506,289
9	Kelab Dan Pertubuhan	1,633,258	233,993	1,867,251
10	Kegiatan Kebajikan Pelajar	2,009,980	102,235	2,112,215
11	Kegiatan Ko-Kurikulum	1,805,485	1,256,528	3,062,013
12	Majalah	4,838,227	(2,722,843)	2,115,385
13	Kitaran Kampus	936,464	1,198,802	2,135,266
14	Peradaban Eksekutif	494,794	169,453	664,247
15	Penganjur Biasiswa	6,276,007	(2,550,197)	3,725,810
16	Tabung Aktiviti Kolej	1,810,232	110,847	1,921,080
17	Akaun Penyelidikan Dan Inovasi	867,484	301,320	1,168,804
18	Penyelidikan Geran Universiti	5,759,857	(18,654)	5,741,203
19	Insentif Penerbitan UUM	101,462	(15,384)	86,078
20	Penyelidikan Geran LEADS	445,361	-	445,361
21	Insentif Mempercepatkan Graduasi	89,324	(2,229)	87,095
22	Kegiatan Akademik	32,332,855	2,596,180	34,929,035
23	Penyelidikan Geran Antarabangsa	334,637	359,043	693,680
24	Peruntukan Khas Penyenggaraan	1,986,071	(860,588)	1,125,483
25	Skim Insentif Pasca Siswazah	373,833	(42,775)	331,059
26	Agihan Hasil Komersil	8,021,287	3,707,294	11,728,581
27	TPP Bakti	6,420	-	6,420
28	Tabung Zakat Bank Islam	77,779	-	77,779
29	Akaun Perundingan	598,642	-	598,642
30	Akaun Penerbitan	547,932	(16,311)	531,621
31	Kursi CIMB (Operasi)	160,994	145,525	306,519
32	Kursi KLSE (Operasi)	518,815	42,868	561,683
33	Aktiviti Perniagaan Pelajar (Operasi)	2,081,615	(3,471)	2,078,144
34	Nikko Sec. Co. L (Operasi)	282,460	7,022	289,482
35	Anugerah Kecemerlangan Akademik - ESSO	2,000	-	2,000
36	Akaun Institut COB	129,752	44,329	174,081

BIL	BUTIRAN	BAKI PADA 1.1.2020 (RM)	PEGERAKAN DALAM TAHUN (RM)	BAKI PADA 31.12.2020 (RM)
37	Akaun Expert Group COB	844,666	(217,437)	627,229
38	Akaun Expert Group CAS	462,127	(141,346)	320,781
39	Akaun Expert Group COLGIS	241,717	(27,266)	214,450
40	Tabung Endowment UUM	50,000	18,000	68,000
	JUMLAH	**119,053,106**	**3,333,559**	**122,386,665**

Secara keseluruhan, akaun amanah di bawah kategori ekuiti meningkat sebanyak RM3.3 juta (3.0%) bagi tahun 2020.

KUMPULAN WANG PINJAMAN

Pinjaman Kepada Staf

Universiti telah menyediakan RM26.4 juta untuk pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer untuk staf. Kedudukan pinjaman dan baki tabung pinjaman adalah seperti berikut:

BUTIRAN	NILAI TABUNG (RM JUTA)	BAKI PINJAMAN (RM JUTA)	BAKI TABUNG (RM JUTA)	BILANGAN STAF
Pinjaman Kenderaan	10.7	4.6	6.1	367
Pinjaman Perumahan	13.7	0.4	13.3	44
Pinjaman Komputer	2.0	0.2	1.8	88
JUMLAH	**26.4**	**5.2**	**21.2**	**499**

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

UUM memiliki pegangan penuh dalam syarikat subsidiari iaitu Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB) yang aktiviti utama syarikat ini adalah pelaburan.

Jumlah pelaburan kumulatif dalam subsidiari ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	UUM	
	2020 RM	2019 RM
Saham tidak disiarharga pada kos:		
Saham Biasa	16,500,000	16,500,000
Cumulative Preference Share @4% setahun	3,500,000	3,500,000
	20,000,000	20,000,000
Tolak: Peruntukan rosot nilai	(5,238,349)	-
Nilai pelaburan selepas rosot nilai	14,761,651	20,000,000

UMHSB memiliki 13 syarikat subsidiari dan aktiviti utama syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

NAMA	AKTIVITI UTAMA
Uniutama Property Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan hartanah, perkhidmatan pembersihan, pengurusan hotel dan pelaburan.
Uniutama Education and Consultancy Sdn Bhd.	Menyediakan perkhidmatan latihan dan perundingan, perkhidmatan pengurusan, dan menjalankan operasi sebuah sekolah antarabangsa.
Uniutama Solution Sdn. Bhd.	Perkhidmatan memasang dan memasarkan komputer, menjalankan latihan dan perundingan berkaitan teknologi maklumat.
Managers' Coffee Sdn. Bhd.	Coffeehouse dan pelaburan
Global Residences Sdn. Bhd.	Penyewaan Hartanah
Platinum Pinang Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Hotel
Uniutama Travel & Tours Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perjalanan dan pelancongan, penyewaan hartanah dan penyediaan makanan.
Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd	Perkhidmatan penyenggaraan kebersihan dan dobi
Sintok Agro Sdn. Bhd.	Perniagaan perladangan dan tapak semaian
Managers' Coffee Langkawi Sdn. Bhd.	Coffeehouse
Unifilm Studio Sdn. Bhd.	Tidak aktif dan dalam proses pembubaran
Unicreative and Advertising Sdn. Bhd	Tidak aktif dan dalam proses pembubaran
Uni Talent and Agent Sdn. Bhd	Tidak aktif dan dalam proses pembubaran

Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, Kumpulan UMHSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.6 juta dan keuntungan terkumpul sebanyak RM3.3 juta.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Universiti dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan serta Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions,* saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam Penyata Kewangan.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2020 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai Disatukan Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Universiti dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2020 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
24 OGOS 2021

Universiti Utara Malaysia

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR** dan **PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ. ABDUL GHANI,** yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dengan ini menyatakan, pada pendapat pengarah-pengarah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR
Pengerusi

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ. ABDUL GHANI
Ahli Lembaga Pengarah

Sintok, Kedah

Bertarikh : 04 APR 2021

Universiti Utara Malaysia

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **EYLANI BINTI AHMAD (K/P No: 650226-03-5244)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai Disatukan, Penyata Perbandingan Antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh

EYLANI BINTI AHMAD

di ALOR SETAR

pada 4 APR 2021

PESURUHJAYA SUMPAH
No : K123
SYED NASIR BIN
SYED KASSIM
9-4-2020-8-4-2021
MALAYSIA

di hadapan saya,

No. 945, Aras 1,
Kompleks Peruda Baru,
Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2020

	NOTA	KUMPULAN 2020 RM	KUMPULAN 2019 RM (Dinyatakan semula)	UUM 2020 RM	UUM 2019 RM (Dinyatakan semula)
ASET					
Aset Semasa					
Simpanan Tetap Institusi Kewangan Berlesen	5	238,258,843	244,229,270	234,518,019	239,518,019
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	19,505,337	9,416,018	14,431,621	6,586,226
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	5,516,634	12,482,233	5,516,634	12,482,233
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	8	6,627,308	14,560,439	15,435,453	34,050,312
Inventori	9	189,851	234,384	-	-
Jumlah Aset Semasa		**270,097,973**	**280,922,344**	**269,901,727**	**292,636,790**
Aset Bukan Semasa					
Pelaburan Jangka Panjang	10	5,308,402	5,202,847	5,308,402	5,202,847
Penghutang Jangka Panjang	11	32,997,482	32,096,555	32,997,482	32,096,555
Muhibah	12	212,766	253,963	-	-
Pelaburan dalam Anak Syarikat	13	-	-	14,761,651	20,000,000
Hartanah, Loji dan Peralatan	14	676,321,692	703,623,303	606,911,757	631,333,215
Hartanah Pelaburan	15	2,749,727	2,760,495	739,727	750,495
Pembinaan Dalam Kemajuan	16	40,013,930	14,733,285	40,013,930	14,733,285
Jumlah Aset Bukan Semasa		**757,603,999**	**758,670,448**	**700,732,949**	**704,116,397**
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	17	25,295,569	36,063,553	38,279,997	50,462,759
Lain-Lain Belum Bayar	18	6,903,951	6,042,811	6,188,920	5,084,631
Manfaat Pekerja	22	1,653,545	1,197,551	1,653,545	1,197,551
Overdraf Bank	24	6,029,495	6,371,299	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		**39,882,560**	**49,675,214**	**46,122,462**	**56,744,941**
Liabiliti Bukan Semasa					
Geran Tertunda Penyelidikan	19	25,430,895	22,894,120	25,430,895	22,894,120
Geran Tertunda Pembangunan	20	660,324,948	657,637,076	660,324,948	657,637,076
Cukai Tertunda	21	340,977	23,634	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	22	46,576,995	42,964,442	46,576,995	42,964,442
Liabiliti Pajakan Kewangan	23	183,305	397,125	-	-
Pinjaman Jangka Panjang	24	48,929,775	47,770,152	-	-
Tabung Pinjaman Perumahan		13,700,000	13,700,000	13,700,000	13,700,000
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**795,486,895**	**785,386,549**	**746,032,838**	**737,195,638**
Jumlah Liabiliti		**835,369,455**	**835,061,763**	**792,155,300**	**793,940,579**
ASET BERSIH		**192,332,517**	**204,531,029**	**178,479,376**	**202,812,608**
ASET BERSIH/EKUITI					
LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL DARI:					
Kumpulan Wang Mengurus	25	(62,837,798)	(47,599,824)	(62,837,798)	(47,599,824)
Kumpulan Wang Pembangunan	26	17,350,421	17,902,685	17,350,421	17,902,685
Kumpulan Wang Pendapatan	27	109,720,403	100,720,834	99,143,600	100,720,834
Kumpulan Wang Amanah	28	112,175,516	119,141,276	112,175,516	119,141,276
Kumpulan Wang Pinjaman		12,647,637	12,647,637	12,647,637	12,647,637
Anak Syarikat		3,276,338	1,718,421	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		**192,332,517**	**204,531,029**	**178,479,376**	**202,812,608**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	NOTA	KUMPULAN 2020 RM	KUMPULAN 2019 RM (Dinyatakan semula)	UUM 2020 RM	UUM 2019 RM (Dinyatakan semula)
Hasil					
Urus Niaga Bukan Pertukaran	29	412,345,177	416,548,746	412,968,637	416,555,522
Urus Niaga Pertukaran	30	65,553,793	67,693,102	35,417,757	47,995,809
Jumlah Hasil		**477,898,970**	**484,241,848**	**448,386,394**	**464,551,331**
Perbelanjaan					
Emolumen	31	258,586,981	258,173,271	241,593,183	236,169,182
Perkhidmatan dan Bekalan	32	151,607,969	157,597,210	145,943,327	164,868,132
Pemberian dan Kenaan Tetap	33	36,062,613	24,894,373	36,782,302	25,180,055
Perbelanjaan Lain					
Bayaran Audit		158,043	200,441	44,297	44,297
Belanja Hutang Ragu		1,354,159	3,883,323	1,354,159	3,883,323
Pelupusan Aset Tetap		45	33,308	45	2,024
Rosot nilai Hartanah, Loji dan Peralatan		-	543,284	-	-
Rosot nilai Pelaburan		-	-	10,576,803	-
Lain-lain Bayaran		10,572,305	11,350,840	9,425,861	9,337,141
		12,084,552	16,011,196	21,401,165	13,266,785
Susut Nilai		29,932,776	31,520,137	26,999,649	28,358,169
Jumlah Perbelanjaan		**488,274,891**	**488,196,187**	**472,719,626**	**467,842,323**
Lebihan/(Kurangan)		**(10,375,921)**	**(3,954,339)**	**(24,333,232)**	**(3,290,992)**
Peruntukan Cukai	34	(1,822,591)	(2,952,976)	-	-
Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai		**(12,198,512)**	**(6,907,315)**	**(24,333,232)**	**(3,290,992)**

